

**P. Pinang No 1
menjelang
2023**

MS3



**5 Tahun PR:
Apa kata
pemimpin?**

MS5&6

**Kolam
rekreasi di
Relau**

MS 25



Mutiara

PERCUMA



Cekap

Akauntabel

Telus

1 – 15, MAC 2013



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlinguaneng>

Islam terus dimartabatkan Kerajaan Negeri

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

Gambar Oleh : **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

BAYAN LEPAS – Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat terus mengiktiraf dan memartabatkan kepentingan pendidikan agama di Pulau Pinang melalui pemberian sumbangan tahunannya kepada seluruh Sekolah Agama Rakyat (SAR) bernilai RM1.75 juta di sini baru-baru ini.

Dalam usaha memperkasakan rakyat, dasar Kerajaan Negeri yang telah meneruskan sumbangan tahunan tersebut sejak lima tahun lalu bukan sahaja membabitkan SAR, malah sekolah-sekolah Tamil, sekolah-sekolah Cina dan sekolah-sekolah mubaligh yang turut menerima manfaat sumbangan berkenaan.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman berkata, Pulau Pinang tidak mempunyai sumber kekayaan negeri, yang dimiliki hanyalah rakyat yang merupakan modal insan dan tenaga kerja tunggal kepada masa depan Pulau Pinang.

“Kita (Pulau Pinang) tidak mempunyai sumber kekayaan negeri seperti negeri-negeri lain, yang ada hanyalah modal insan iaitu anak-anak yang bakal membesar.

“Inilah tanggung kejayaan dan kekayaan Pulau Pinang. Kita mahukan mereka membesar dalam suasana yang selesa serta menikmati pelajaran dengan kelengkapan yang cukup.

“Justeru, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) tidak pernah terlepas pandang, malah, menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menyalurkan peruntukan tahunan hal ehwal agama Islam. Malah, saban tahun peruntukan kewangan yang disalurkan kian bertambah,”

ujarnya pada Perasmian Majlis Sumbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada SAR Tahun 2013 di Sekolah Rendah Agama Tuan Haji Omar Hassan, Permatang Damar Laut di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man.

Sebanyak 40 buah SAR dari seluruh negeri Pulau Pinang menerima manfaat tersebut. Iaitu sebanyak tujuh buah membabitkan Sekolah Menengah Agama Rakyat, Sekolah Menengah Bantuan Kerajaan (10), Sekolah Rendah Agama Rakyat (6) dan Maahad Tahfiz (17).

Dalam majlis sama, Mansor turut mengumumkan bahawa sebuah Sekolah Islam Antarabangsa dan Hospital Islam bakal didirikan tidak lama lagi.

“Pulau Pinang akan mempunyai Sekolah Islam Antarabangsa pertama di Sungai Ara dan Hospital Islam di Bayan Baru. Kedua-dua projek ini adalah di bawah Yayasan Islam Pulau Pinang dan MAINPP.

“Serentak itu, Kerajaan Negeri turut mengadakan perbincangan dengan negara-negara di Timur Tengah bagi mewujudkan hubungan dua hala pada masa hadapan demi meningkatkan syiar Islam,” ujarnya.

Dalam pada itu, menurut wakil dari Sekolah Maahad Tahfiz An-Nahdhoh, Mohd. Najmi Che Ahmad berkata, peruntukan kali ketiga yang diterima sekolahnya dapat menampung pemberian bonus kepada



MANSOR Othman (empat dari kiri) menyampaikan replika cek berjumlah RM1.75 juta kepada wakil dari SAR sempena Majlis Sumbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada SAR Tahun 2013 di Permatang Damar laut di sini baru-baru ini.

kakitangan dan penambahbaikan sekolah.

“Ini adalah sekolah persendirian, dengan bantuan tahunan ini, semua kakitangan dapat menikmati bonus dan dapat melakukan penambahbaikan.

“Sebelum ini, pengurusan sekolah hanya bergantung kepada yuran,” ujarnya yang turut menyatakan menerima peruntukan sejumlah RM10,000 tahun ini (2013) kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Salah seorang guru Sekolah Agama Rakyat di Balik Pulau yang tidak ingin

dikenali menganggap bantuan tahunan yang diberikan Kerajaan Negeri kepada SAR adalah amat bertepatan.

“Pada hakikatnya, Sekolah Agama sememangnya mempunyai peruntukan dan perbelanjaan yang sedikit, tetapi bantuan tahunan ini sedikit sebanyak dapat menambah mana yang perlu.

“Jika dibandingkan sebelum ini, kami tidak pernah mendapat apa-apa bantuan, jelas beliau yang juga tidak ingin dirakam gambarnya.



BARISAN pucuk pimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan tanda kesepakatan bersempena Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-5 Pakatan Rakyat di Pulau Pinang di Padang Kota Lama di sini baru-baru ini. (Gambar oleh Chan Lilian).

50,000 bersama rai Sambutan Ulang Tahun Ke-5 PR

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Kira-kira 50,000 rakyat negeri Pulau Pinang berhimpun di Padang Kota Lama bagi bersama meraikan Sambutan Ulang Tahun Kelima Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Selain acara utama pada waktu malam, program bermula seawal 4 petang tersebut turut dihiasi dengan pelbagai persembahan dan pameran agensi-agensi Kerajaan Negeri di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa berucap merayu daripada rakyat supaya memberi PR mandat untuk mentadbir Kerajaan Pusat, selain, terus mentadbir Pulau Pinang.

Beliau berkata, perubahan menyeluruh penting bagi membolehkan PR merampas kembali RM52 bilion ekuiti pemilik Melayu Bumiputera daripada pihak tertentu dalam Kerajaan Pusat.

"Yang tinggal, RM2 bilion saja sekarang. Mana RM52 bilion saham milik Melayu Bumiputera pergi?"

"Kalau kita mengambil alih Putrajaya, kita akan paksa mereka (pemimpin Barisan Nasional, BN) 'muntah' (serah) balik RM52 bilion untuk kita (PR) beri kepada orang Melayu, orang Bumiputera dan orang miskin," ujar beliau disambut tepukan gemuruh di sini baru-baru ini.

Ahli Parlimen Bagan itu berkata, PR turut komited

merampas kembali ekuiti saham yang sepatutnya menjadi hak Cina dan India daripada pemimpin BN kelak.

Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Mansor Othman (Timbalan Ketua Menteri I) dan Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) turut berucap pada majlis itu.

Hadir bersama, semua Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Anwar berkata, Kerajaan Negeri wajar terus disokong oleh semua rakyat tanpa mengira kaum.

"Apa guna kita menyokong seorang atas nama apa jua bangsa sekalipun sekiranya pemimpin itu rasuah, seleweng amanah rakyat serta melakukan pembaziran wang rakyat.

"Elok kita sokong Guan Eng di Pulau Pinang ini kerana dia terbukti berjaya bawa lebihan kewangan tiap-tiap tahun untuk Kerajaan Negeri dan semua (surplus) ini disumbang terus kepada rakyat.

"Bangsa apa sekalipun, sebagai Melayu, saya sokong pemimpin yang berintegriti macam Guan Eng, bukan kaki rasuah. Sebab ini, maruah saya (anti rasuah)," tegas beliau.

Difahamkan, lebihan kewangan atau surplus bagi tahun 2008 sebanyak RM88 juta, 2009 (RM77 juta), 2010 (RM33 juta). Surplus bagi tahun 2011 pula meningkat sebanyak 312 peratus atau RM105 juta menjadi RM138 juta.

Peningkatan hasil Kerajaan

Negeri itu berjumlah RM603 juta bagi tahun 2011, berbanding, tahun 2010 yang berjumlah RM411 juta.

Ini, memberi gambaran margin peningkatan hasil Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM192 juta atau 47 peratus dari jumlah hasil tahun 2010.

Hasil 'dividen anti rasuah itu', Kerajaan Negeri melaksanakan Program Penghargaan Warga Emas, Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU), Anak Emas, Pelajar Emas, Penghargaan Ibu Tunggal, Bantuan *One-Off* Anak Pulau Pinang Masuk IPTA serta sumbangan waris warga emas meninggal dunia yang kesemuanya berjumlah kira-kira RM100 juta selama hampir lima tahun ini.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng bersama-sama barisan pemimpin lain melancarkan



ANWAR Ibrahim ketika menyampaikan ucapan.

'Program 100' dalam Konvensyen Pakatan Rakyat baru-baru ini.

Semasa berucap, Guan Eng berkata, program itu merupakan satu manifestasi perubahan tulis yang nyata menguntungkan rakyat jika PR mengambil alih Kerajaan Pusat kelak.

Beliau berkata, Pakatan Rakyat akan menjunjung ketertinggalan perlembagaan, termasuk Perkara 153, iaitu jaminan hak keistimewaan Melayu serta Bumiputera yang terus dipelihara di bawah Yang di-Pertuan Agong Malaysia.



SEBAHAGIAN rakyat negeri yang membanjiri Sambutan Ulang Tahun Kelima Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

SINDIR MUTIARA

Oleh: **Sam**



No.1 menjelang 2023 fokus ‘Paradigma P.Pinang’

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Semasa rakyat masih ghairah berteka-teki dengan mengenai tarikh Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), Kerajaan Negeri baru-baru ini melancarkan pelan 10 tahun masa depan negeri yang dikenali sebagai ‘Paradigma Pulau Pinang’.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bagaimanapun berkata, pelan futuristik itu bukanlah manifesto Pakatan Rakyat negeri.

“Ini bukan manifesto untuk Pakatan Rakyat, tetapi, ini adalah pelan perancangan bagi memastikan Pulau Pinang nombor satu di Malaysia menjelang tahun 2023,” ujar beliau selepas Majlis Pelancaran ‘Paradigma Pulau Pinang’ di Dewan Perbandaran MPPP, di sini baru-baru ini.

Atas sebab itu, beliau berkata, Kerajaan Negeri telah melantik Pengarah Eksekutif Penang Institute (PI), Professor Datuk Woo Wing Thye yang merupakan Penasihat bagi Perbendaharaan Amerika Syarikat bagi merealisasikan pelan futuristik itu.

Menurut beliau, inisiatif pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memperkenalkan Program Tranformasi Ekonomi (ETP) dan Program Tranformasi Kerajaan (GTP) didakwa kurang berjaya disebabkan banyak faktor, antaranya, amalan pemusatan kuasa yang tidak sihat serta amalan tender tertutup yang mendekati budaya korupsi.

Impaknya, beliau berkata, pelaburan asing langsung (FDI) negara tidak berkembang sihat sebagaimana sebelum tahun 1995.

Berbeza dengan Pulau Pinang, katanya, Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 cuba melaksanakan tiga dasar tersendiri untuk mengurangkan impak berantai dari amalan dasar pusat yang didakwa kurang adil untuk rakyat serta tidak menguntungkan prospek Kerajaan Negeri.

Pertama, beliau berkata, Kerajaan Negeri berusaha menggantikan amalan kapitalisma kroni dengan persaingan yang adil melalui amalan tender terbuka dalam projek-projek awam.

Kedua, beliau berkata, Kerajaan Negeri berusaha memulakan dasar desentralisasi atau mengurangkan proses pemusatan kuasa dalam proses membuat keputusan melalui rancangan mengadakan pilihanraya kerajaan tempatan.

Ketiga, beliau berkata, Kerajaan Negeri menghentikan kemerosotan kualiti perkhidmatan awam melalui amalan prinsip Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT).

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman dan Zairil Khir Johari (Ketua Pegawai Eksekutif PI) turut hadir dalam majlis itu.

Hadir bersama, Exco-Exco Kerajaan Negeri lain, antaranya, Chow Kon Yeow, Lim Hock Seng, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Danny Law Heng Kiang dan Law



PROF. Woo Wing Thye ketika membentangkan intipati Paradigma Pulau Pinang pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Choo Kiang.

Sebelum pada itu, Wing Thye semasa membentangkan pelan itu antara lain menyebut mengenai tiga agenda utama yang menjadi enjin kejayaan ‘Paradigma Pulau Pinang’.

Pertama, katanya, pelan 10 tahun itu menumpukan pada agenda memulihkan dinamisma ekonomi di negeri berkenaan.

Kedua, jelas beliau, menumpu pada usaha meningkatkan kesesuaian didiami Pulau Pinang secara ketara lengkap dengan kelestarian alam sekitar.

Ketiga, katanya, pelan itu turut berusaha mempercepat pembangunan sosial negeri melalui pengukuhan keharmonian sosial serta memperluas keterangkuman sosial.

“Pelaksanaan tiga proses sosio-ekonomi tersebut di seluruh negara akan secara semulajadi mempercepatkan kemajuan sosio-ekonomi di Pulau Pinang.

“Dasar-dasar utama yang kami cadangkan untuk Pulau Pinang juga dapat diamalkan di seluruh Malaysia,” ujar beliau di depan lebih 200 hadirin, termasuk kepimpinan utama Kerajaan Negeri.

KM saksi letak tanda asas bina surau Ampang Jajar

BAGAN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini menyaksikan majlis meletak papan tanda asas pembinaan Surau Taman Ampang Jajar, di sini.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri akan terus komited memartabatkan Islam di negeri berkenaan sebagaimana dijamin dalam Perlembagaan sungguhpun terpaksa menerima serangan fitnah daripada pembangkang Pulau Pinang.

“Memang Kerajaan Negeri bertindak adil untuk semua. Kita, Kerajaan Negeri menerima Islam sebagai agama rasmi Pulau Pinang, selain, agama-agama lain bebas diamalkan di negeri ini.

“Tetapi, Kerajaan Negeri tetap difitnah. Saya pun jadi mangsa fitnah, dua kali saman Utusan (Utusan Malaysia), dua-dua (kes saman fitnah) kali menang,” ujarinya pada Majlis Meletak Papan Tanda Asas Pembinaan Surau Ampang Jajar di sini baru-baru ini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal

Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti Dan Pengangkutan) turut hadir pada majlis itu.

Hadir bersama, Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man, Salahudin Nasir (Pegawai Agama Daerah Seberang Perai Utara), Abu Bakar Zin (Pengerusi Surau PPR Taman Ampang Jajar) dan Ahmad Farid Md. Arshad (Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP).

Malik dan Salleh turut berucap pada majlis tersebut.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, rakyat Pulau Pinang lazimnya kian bijak dengan kemudahan mengakses maklumat internet hatta tidak mudah terpengaruh dengan politik fitnah pembangkang.

Sebelum itu, Guan Eng turut mengumumkan peruntukan agama Islam sebanyak RM400,000 untuk pembinaan surau di atas sebidang tanah milik MAINPP yang berkeluasan 587 meter persegi di sini.



LOKASI pembinaan Surau Ampang Jajar di sini.

Surau yang mampu menampung 150 jemaah dalam satu-satu masa itu dijangka siap dalam tempoh 12 bulan.

Sementara menunggu proses tender terbuka dilaksanakan, Guan Eng berkata, projek itu diharapkan bermula

seawal Jun depan.

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) diberi tanggungjawab untuk menyelia projek murni yang akan dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

4 projek lebuhraya RM6.3 bilion - pemangkin pembangunan negeri masa hadapan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Sesi dialog umum antara orang awam dan Ketua Menteri berkaitan empat projek lebuhraya bernilai RM6.3 bilion memperlihatkan pelbagai reaksi berbeza daripada rata-rata rakyat Pulau Pinang yang hadir memberikan pandangan masing-masing di sini baru-baru ini.

Daripada jumlah keseluruhan 300 audien yang hadir, seramai 24 peserta dari pelbagai latar belakang tampil mengemukakan pendapat pada sesi dialog yang berlangsung selama tiga jam di Dewan Bandaraya, Padang Kota Lama di sini.

Seorang penduduk Tanjung Tokong, PY Yeoh menyatakan bahawa projek tersebut bakal membawa pembangunan kepada bahagian utara dan mengurai masalah kesesakan Lalulintas di sepanjang laluan ‘pelancong’ berkenaan.

Presiden *Penang Consumer Protection Association*, Koris Atan berkata, beliau menyokong projek tersebut dan memohon supaya pengangkutan teksi air (*water taxi*) turut dimasukkan dalam *Master Transport Plan* Kerajaan Negeri.

Bagi seorang penduduk, David Cheah memberitahu bahawa projek tersebut bakal memberi impak positif kepada Pulau Pinang dan turut bersetuju dengan sistem trem sebagaimana dicadangkan Ketua Menteri sebelum ini.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B.

Tuan Lim Guan Eng berkata, sesi dialog ini amat berguna dan perlu diadakan bagi membolehkan Kerajaan Negeri mendengar pandangan dan peduli akan keperluan rakyat.

“Saya amat berterima kasih kepada semua yang hadir memenuhi Dewan Bandaraya untuk turut serta dalam sesi dialog ini.

“Kerajaan Negeri peduli akan suara dan pandangan rakyat,” katanya pada sidang media sejurus selepas sesi dialog di sini baru-baru ini.

Empat projek lebuhraya tersebut adalah bakal melibatkan laluan Tanjong Bungah ke Teluk Bahang (12 kilometer, km); Bandar Baru Air Itam ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (5km); Persiaran Gurney ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (4.2km) dan terowong dasar laut dari Persiaran Gurney ke Bagan ajam, Seberang Perai Utara (7.2km).

Melalui proses tender terbuka dan kompetitif secara telus pada 14 November 2011 (*pre-qualification Request For Proposal*, RFP) sehingga 14 Januari 2012, Konsortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. telah terpilih.

Terdahulu Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi), Lim Hock Seng, mengulas bahawa projek infrastruktur berkenaan bakal menjadi pemangkin pembangunan Pulau Pinang di masa hadapan.



SEBAHAGIAN audien yang memenuhi sesi dialog umum antara orang awam dan Ketua Menteri berkaitan empat projek lebuhraya bernilai RM6.3 bilion di sini baru-baru ini.

Menurutnya, tujuan projek pembinaan bernilai RM6.3 bilion tersebut adalah untuk melengkapkan jalinan jalan raya yang terdapat di Pulau Pinang di samping mengurangkan kesesakan Lalulintas di waktu puncak di beberapa kawasan tumpuan di George Town.

“Projek pembinaan tiga buah jalan raya dan sebuah terowong ini bukan sahaja boleh mengurangkan kesesakan Lalulintas, malah, memberi ruang untuk memperbaiki dan memperkasakan perkhidmatan awam di negeri ini.

“Projek ini juga melibatkan pembinaan laluan kenderaan tanpa motor (basikal) dan pejalan kaki yang lebih teratur dan selesa,” ujar Hock Seng.

Malah, dalam kenyataan media Guan Eng di sini baru-baru ini, beliau turut mencadangkan sistem pengangkutan awam trem dipulihkan di seluruh negeri untuk



LAKARAN grafik empat projek lebuhraya yang bakal memangkin pembangunan negeri.

menghubungkan Pulau dan Seberang Perai.

Katanya, monorel yang dicadangkan Barisan Nasional (BN) adalah tidak sesuai untuk bandar warisan dunia seperti Pulau Pinang dan strukturnya yang ditinggikan akan merosakkan keindahan estetika negeri.

“Kerana sistem trem yang bergerak atas tanah adalah sesuai dengan warisan Pulau Pinang, jalan-jalan alternatif baru diperlukan supaya jalan-jalan sedia ada dapat digunakan untuk landasan trem,” jelas beliau.

Menjawab tuduhan sesetengah pihak bahawa syarikat dilantik adalah syarikat RM2, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait dalam kenyataan akhbar bersama menyatakan bahawa dakwaan berkenaan adalah tidak benar sama sekali.

Ini kerana, jelas mereka, syarikat dilantik sebenarnya memiliki modal berbayar keseluruhan sebanyak RM4,549.2 juta dan juga terlibat dalam pembinaan Stadium Olimpik Beijing dan landasan keretapi tertinggi di dunia.

Pusat, SPR disaman sebab halang pilihanraya PBT negeri

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

PUTRAJAYA - Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengemukakan saman ke atas Kerajaan Pusat dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) di Mahkamah Persekutuan Putrajaya baru-baru ini gara-gara dihalang melaksanakan pilihanraya kerajaan tempatan di negeri berkenaan.

Bekas Presiden Aliran, P. Ramakrishnan turut tampil sebagai plantif bersama-sama Kerajaan Negeri dalam kes saman bersejarah itu.

Kedua-dua plaintif diwakili oleh peguam terkenal, Tommy Thomas.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, langkah itu diambil demi memaksa kedua defendan melaksanakan undi ketiga peringkat PBT di negeri berkenaan sebagaimana diperuntukkan dalam Enakmen Pilihanraya Kerajaan Tempatan (Pulau Pinang dan *Province Wellesley*) 2012.

“Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil (tindakan saman) Kerajaan Persekutuan dan Suruhanjaya Pilihan Raya



(Dari kiri), ABDUL Malik Abul Kassim, P. Ramakrishnan, Andrew Yong (belakang), Mansor Othman, Ketua Menteri, Tommy Thomas, wakil peguam (belakang) dan Chow Kon Yeow di lobi Kompleks Mahkamah Keadilan, Putrajaya baru-baru ini.

di Mahkamah Persekutuan untuk memaksa pemulihan undi ketika (iaitu) pilihanraya kerajaan tempatan (PBT) di Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP),” tegas beliau di sini baru-baru ini.

Hadir bersama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas), Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama,

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) serta Andrew Yong (Pegawai Khas Undang-Undang bagi Ketua Menteri).

Terdahulu, Kon Yeow pada 14 Julai 2009 menulis surat kepada Kerajaan Pusat menuntut penguatkuasaan enakmen tersebut, tetapi ditolak.

Pada 11 Ogos tahun yang sama, sidang mesyuarat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang meluluskan resolusi menyeru Kerajaan Pusat untuk bertindak mengembalikan pilihanraya PBT, tetapi, resolusi itu pun ditolak.

Kerajaan Negeri, pada 4 Mac 2012, menulis satu surat kepada SPR atas niat yang sama berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan, 1960, tetapi ditolak oleh suruhanjaya itu.

Layanan dingin itu berlarutan sehingga Enakmen Kerajaan Pilihan Raya Kerajaan

Tempatan, 2012 diluluskan dalam DUN Pulau Pinang pada 9 Mei 2012.

Pada 18 Disember tahun lepas, Kerajaan Negeri sekali lagi menulis surat kepada SPR memaklumkan enakmen baru itu dikuatkuasa bermula pada 31 Januari tahun ini.

Dalam perkembangan sama, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung dilaporkan berkata, inisiatif Kerajaan Negeri itu adalah bercanggah dengan peruntukan Seksyen 15 Akta 171 (Undang-Undang Persekutuan).

Guan Eng dalam satu kenyataan baru-baru ini berkata, pihaknya memohon pengisytiharan Mahkamah bahawa Syeksyen 15 Akta Kerajaan Tempatan, 1976 yang memansuhkan pilihanraya kerajaan tempatan di seluruh negara adalah ‘*ultra vires*’ atau tidak sah.

Ahli Parlimen Bagan itu berkata, Jadual Kesembilan dan Perkara 113 (4) Perlembagaan Persekutuan sepatutnya memberi kuasa kepada Dewan Undangan Negeri (DUN) mengelola pilihan raya peringkat PBT.

5 Tahun PR: Apa kata pemimpin?

Komitmen terhadap amanah rakyat jadi keutamaan Mansor

BERKAT kesabaran dan komitmen yang tinggi Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman berunding dengan pemaju Uda Holdings Berhad serta penduduk Tanjong Tokong akhirnya berhasil.

Kira-kira 300 keluarga di kawasan itu boleh menarik nafas lega kerana masing-masing dijamin penempatan baru di Tanjong Tokong juga selepas beberapa kali rundingan yang dipengerusi sendiri oleh Mansor.

Mansor, 60, yang dianggap sebagai pemimpin utama Melayu Pulau Pinang berkata, proses rundingan itu bukanlah suatu yang mudah.

Ini kerana, katanya, masalah kependudukan di Tanjong Tokong telah berlarutan sejak 1970-an lagi, iaitu semasa UMNO Barisan Nasional (BN) masih memerintah Kerajaan Negeri.

"Ini pengalaman yang cukup sukar. Saya juga dicemoi oleh pihak tertentu semasa cuba mencari titik persefahaman ini.

"Mendapatkan penempatan (baru) untuk penduduk bukan sahaja di Tanjong Tokong, tetapi juga di beberapa kawasan lain contohnya di Kampung Pisang Awak (Jelutong), Kampung Perlis (Bayan Lepas), Kampung Cross Street (Bukit Mertajam, Kuala Jalan Bharu (Balik Pulau) dan banyak lagi... wakil rakyat mengatakan mustahil boleh diselesaikan, tetapi akhirnya semua itu selesai dengan penuh sabar," ujar beliau dalam satu wawancara eksklusif bersama wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB**.

Beliau berkata, pembangunan adalah satu kemestian di Pulau Pinang, tetapi pembangunan tidak bermakna untuk mengusir rakyat.

Justeru, beliau berkata, usaha mengekalkan warga bandaran dalam bandar menjadi salah satu komitmen beliau sejak hampir lima tahun lepas.

"Saya menang dalam Pilihan Raya Kecil Penanti pada 3 Jun 2009 kerana harapan yang diberikan oleh rakyat. Itulah kenangan paling manis sebagai seorang wakil rakyat.

PENDIDIKAN

Sebelum terjun secara langsung dalam arena politik, pernah menjadi Ahli Akademik serta memegang jawatan penting di Universiti Sains Malaysia (USM).

Berbekalkan dwi sarjana dari universiti itu dan Universiti Yale, Amerika Syarikat melayakkan beliau

menyandang pelbagai jawatan penting seperti Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan Dasar USM, Ahli Senat Universiti dan banyak lagi.

"Sekarang, kita dalam perancangan menubuhkan sebuah kampus Universiti Islam di Penanti dan (rancangan menubuhkan) sekolah antarabangsa menyusul kemudian.

"Yayasan Islam Pulau Pinang yang baru ditubuhkan turut berperanan penting terutama dalam membina modal insan ummah," ujar beliau.

Maka, tidak hairanlah sekiranya beliau dilihat begitu cakna terhadap pembangunan pendidikan di negeri berkenaan, terutama di Sekolah Agama Rakyat Pulau Pinang.

Pengalamannya membangunkan projek TEKUN, iaitu pinjaman mikro kredit pada tahun 1980-an turut dimanfaatkan semasa membangunkan Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) sekarang.

"Projek ini membantu peniaga-peniaga kecil mengembangkan perniagaan," ujar beliau.

MAHASISWA

Kesibukan dalam menguruskan pentadbiran Kerajaan Negeri bukan alasan untuk Mansor mengabaikan perkembangan intelektual mahasiswa Pulau Pinang, termasuk di perantauan.

Menerusi wadah Majlis Perundingan Mahasiswa Pulau Pinang (MPMPP), pasukan Mansor giat turun ke universiti-universiti tempatan dan luar negara bagi mendekati golongan terpelajar.

"Dalam negara, kita turun di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNIZA), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Sarawak dan banyak lagi. Kita juga turun bertemu mahasiswa di Mesir, di Jordan dan di Indonesia untuk memastikan tenaga mahir ini akan pulang berkhidmat di negeri ini satu hari nanti," katanya.

MEMPERKUASA JKKK

Pelancaran sistem "eJKKK" atau sistem info pentadbiran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menjadikan pentadbirannya dilihat jauh ke depan berbanding JKKK di

negeri-negeri lain.

Dengan adanya sistem itu, beliau berkata, Kerajaan Negeri berharap proses interaksi dua hala membabitkan rakyat dan kepimpinan Kerajaan Negeri dipermudahkan.

Selain itu, Mansor turut menganjurkan Jamuan Malam Anugerah JKKK Terbaik untuk menggalakkan persaingan di antara jawatankuasa setempat yang dilantik.

Itu, katanya, mampu melahirkan kualiti perkhidmatan yang menguntungkan.

PELABURAN ASING LANGSUNG (FDI)

Mansor turut diberi amanah memegang MMK Industri Antarabangsa dan Koperasi

Taklifan itu menuntut beliau ke Eropah, China, Taiwan serta beberapa negara di Timur Tengah untuk membawa pelabur asing ke negeri ini.

Berkat kesabaran dan usaha beliau bersama-sama kepimpinan Kerajaan Negeri lain ternyata membuahkan hasil.

"Alhamdulillah, FDI Pulau Pinang bagi tahun 2010 paling tinggi berbanding negeri-negeri lain, iaitu sebanyak RM12.2 bilion.

"Tiap-tiap tahun kita mengadakan konvensyen membabitkan penggiat koperasi... kita membawa Koperasi Ibnu Auf yang terkenal di Selatan Thai untuk berkongsi pengalaman menggerakkan koperasi.

"Kita minta koperasi-koperasi ini ambi peluang bergiat dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kerana bagi kita, IKS dan FDI sama-sama penting untuk ekonomi negara," tambahnya.

HARAPAN

"Kejayaan dan integriti Kerajaan Negeri ini sebenarnya dibina hasil dari harapan rakyat semasa 'Tsunami Politik' 8 Mac 2008 dulu.

"Kalau rakyat tidak melakukan perubahan dulu, mungkin apa yang dikecapi selama lima tahun ini tidak akan wujud.

"Justeru, tiap-tiap rakyat khususnya Melayu perlu terus mengekalkan mandat kita (Pakatan Rakyat) memerintah Kerajaan Negeri ini, selain, cuba melakukan perubahan (kepimpinan) di peringkat Pusat untuk menikmati lebih banyak lagi program menguntungkan rakyat," ujar Mansor.



MANSOR Othman.

Tidak suka 'gantung' ahli dewan - Speaker

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF & WATAWA NATAF ZULKIFLI**

"KEMENANGAN Pakatan Rakyat (PR) pada Pilihanraya Umum Ke-12 sehingga membawa kejayaan membentuk sebuah Kerajaan Negeri baru menunjukkan rakyat telah membuat keputusan dan memberikan kepercayaan kepada 'kerajaan baru' untuk mentadbir Pulau Pinang," kata Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain di sini baru-baru ini.



ABDUL HALIM HUSSAIN.

Beliau berkata demikian dalam sesi wawancara khas bersama Buletin Mutiara (BM) sempena Ulang Tahun Kelima PR di Pulau Pinang.

Katanya, dalam tempoh lima tahun, beliau yang diberikan amanah sebagai Speaker perlu memenuhi tanggungjawab diamanahkan rakyat dalam apa jua kapasiti terutamanya dalam mempraktikkan demokrasi.

"Saya ingin melihat demokrasi benar-benar dipraktikkan di bawah kepimpinan Kerajaan Negeri PR.

"Suara rakyat yang disampaikan melalui Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) perlu dibahas dan dibincangkan di dalam dewan bagi mencari penyelesaian kepada isu-isu rakyat berbangkit," ujarnya.

Menurut Abdul Halim, lima tahun kebelakangan ini, beliau melihat masyarakat umumnya telah mempunyai kesedaran mengenai peranan DUN dalam mengubal undang-undang.

"Sekiranya dulu, persepsi masyarakat bahawa DUN hanya dikhaskan untuk parti politik, ADUN dan kakitangan kerajaan, tetapi kini orang ramai dah menyedari peranan DUN dalam sesebuah demokrasi," jelas beliau.

Abdul Halim memberitahu, adalah menjadi matlamat dan visinya agar dapat melakukan penambahbaikan dewan seperti meminda peraturan dewan selaras dengan perkembangan demokrasi dalam dan luar negara supaya persepsi masyarakat tidak menganggap dewan sebagai *rubber-stamp* semata-mata dengan meniru tindakan tertentu tanpa mengkaji sebab serta akibat.

"Kedua, menyemak semula keperluan penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa dewan yang baru agar sesuai dengan perkembangan demokrasi di seluruh dunia.

"Ketiga, berharap sidang dewan diadakan lebih kerap sekurang-kurangnya 22 minggu setahun seperti negara-negara demokrasi yang lebih maju," ujarnya.

Dalam pada itu, Abdul Halim menyatakan tiga perkara paling bermakna sepanjang lima tahun perkhidmatan beliau adalah buat pertama kalinya DUN dibuka untuk lawatan para pelajar, badan bukan kerajaan (NGO) dan pemimpin komuniti bagi mendekati serta mengetahui peranan dewan sebenarnya.

"Secara purata hampir 3,500 lawatan telah diadakan sepanjang lima tahun saya di sini (DUN). Dan buat pertama kalinya juga, dewan telah menerbitkan majalahnya sendiri secara berkala bermula pada tahun lalu (2012), di mana saya mensasarkan pengeluaran diadakan setiap kali dewan bersidang.

"DUN Pulau Pinang juga menjadi dewan pertama mewujudkan Sekretariat Parlimen Muda (13 hingga 25 tahun) untuk memberikan pendedahan kepada golongan muda tentang pentingnya sebuah demokrasi kepada sesebuah negara," katanya.

Dengan tersenyum, sebagai Speaker, Abdul Halim menyatakan bahawa perkara yang tidak digemarinya adalah ketika beliau perlu bertindak mengantung ahli-ahli dewan disebabkan salah laku dan melanggar peraturan dewan.

5 Tahun PR : Apa kata pemimpin?

Terima kasih rakyat Pulau Pinang – Abdul Malik

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

DALAM tempoh lima tahun Pakatan Rakyat (PR) menerajui pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, pelbagai onak dan ragam terpaksa dihadapi oleh Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

Walau bagaimanapun, ia sedikitpun tidak mematahkan semangat dan kesungguhannya untuk melaksanakan tanggungjawab yang digalas.

Mula memegang jawatan sebagai Exco Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik seakan boleh meneka amanah yang digalas. Malah, setelah dilantik memegang portfolio Hal Ehwal Agama, cabaran dan halangan seolah-olah menjadi sebatik dalam tugas hariannya.

“Bukan mudah menggalas tanggungjawab dan mandat yang telah dipertanggungjawabkan untuk saya.

“Alhamdulillah, syukur ke hadrat-Nya sehingga ke hari ini saya amat berpuas hati dengan pentadbiran PR di Pulau Pinang,” ulas Abdul Malik ketika ditemuramah Buletin Mutiara sempena

Ulang Tahun Ke-5 Pentadbiran Kerajaan PR di Pulau Pinang.

Tambahnya, sejak memegang tampuk pentadbiran, pelbagai program keagamaan dan kerohanian diwujudkan antaranya bulan-bulan Al-Quran, mewujudkan satu keluarga satu hafiz dan memartabatkan sekolah-sekolah agama rakyat di Pulau Pinang.

“Saya yakin dengan adanya program-program yang dianjurkan ini, rakyat Pulau Pinang dapat melihat sendiri keindahan al-Quran dan as-Sunnah.

“Memartabatkan Islam di Pulau Pinang perlu dilaksanakan secara benar dan bukannya retorik,” katanya.

Dalam pada itu, Abdul Malik turut merasakan penubuhan Penang *International Halal Hub* (Halal Penang) merupakan sesuatu yang amat membanggakan apabila industri Halal di Pulau Pinang kini diiktiraf.

“Halal Penang kini adalah setaraf dengan *Halal Industry Development Corporation* (HDC) dan akan

**ABDUL Malik Abul Kassim.**

meneruskan lagi usahanya untuk pengantarabangsaan.

“Ia juga merupakan pencapaian peribadi yang boleh dibanggakan apabila Halal Penang berjaya mengharumkan nama negeri Pulau Pinang sebagai Hab Halal terkemuka dan menjadikan Pulau Pinang sebagai ‘*silicon valley*’ yang dikenali di Asia,” ujarinya di sini baru-baru ini.

Abdul Malik yang juga merupakan

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, turut menerapkan lima teras perkhidmatan dalam membantu dan peduli akan rakyat di Batu Maung. Lima teras tersebut adalah, pencapaian pendidikan, pembangunan dan pemartabatan wanita, pembangunan usahawan, kebajikan dan generasi pewaris.

Tambahnya, sejak menjadi wakil rakyat, hampir kesemua isu lapuk yang ditinggalkan oleh pentadbiran terdahulu dapat diselesaikannya.

Antaranya isu pasar awam Batu Maung, medan selera di Bukit Gedung, Masjid Batu Maung dan surau di Kampung Naran.

Tidak mudah melatah, Abdul Malik ternyata kebal memikul tanggungjawabnya sebagai Exco dan juga ADUN.

Dalam pada itu, Abdul Malik turut berterima kasih kepada rakyat Pulau Pinang yang sentiasa peka dan menyokong pimpinan PR ke arah menjadikan Pulau Pinang lebih baik daripada sekarang.

Kemenangan harus dicapai, banyak lagi agenda besar yang bakal dilaksana – Mohd. Salleh

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

PERUBAHAN yang dilakukan rakyat Pulau Pinang pada Pilihanraya Umum Ke-12 lalu telah membawa arus perubahan yang dinamik kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang baru dalam landskap urus tadbirnya lima tahun ini.

Perubahan tersebut turut dirasai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man apabila menjadi sebahagian daripada tonggak dalam menggerakkan sebuah kerajaan berjiwa rakyat.

Ketika dihubungi Buletin Mutiara (BM) baru-baru ini, Mohd. Salleh melahirkan rasa terharu di atas kepercayaan yang diberikan oleh rakyat khususnya di Permatang Pasir ketika beliau diumumkan sebagai ADUN kawasan berkenaan pada 8 Mac 2008.

“Walaupun kita lihat, pada waktu itu bukan kerajaan Pakatan Rakyat (PR) yang mentadbir, saya dapat rasai sokongan luar biasa diberikan para pengundi yang berkehendakkan kepada suatu perubahan dalam sebuah kerajaan,” katanya di sini.

Namun katanya, kerjasama kuat sesama ketiga-tiga komponen parti dalam PR dapat dilihat ketika itu untuk memastikan kemenangan menongkah

perubahan dapat dicapai.

Ketika diminta mengulas mengenai tanggungjawabnya sebagai wakil rakyat, katanya, tugas itu bukanlah mudah. Bahkan tanggungjawab tersebut merupakan satu amanah dan dengan semangat serta kerjasama yang diberikan oleh masyarakat dan parti, tanggungjawab yang berat itu digalasnya dengan melakukan yang terbaik.

“Apabila terjun dalam perjuangan politik, sememangnya kita pasti akan terima tohmahan, cemuhan serta segala bentuk rintangan.

Walaubagaimanapun, kita kena tangani itu semua kerana itu adalah lumrah,” ujar beliau.

Mohd. Salleh dalam pada itu turut melahirkan hasrat pada masa akan datang supaya dapat memberikan lebih perhatian sebagai ADUN kepada masyarakat tanpa mengira latar belakang kaum dan politik, manakala akan lebih fokus kepada pembangunan umat Islam dalam memikul tugas sebagai Yang Dipertua (YDP) Majlis Agama Islam

**MOHD. Salleh Man.**

Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Ketika wakil Buletin Mutiara menyentuh mengenai pencapaian sepanjang beliau menjadi ADUN, Mohd. Salleh berkata, antara aspek yang telah berjaya dicapai adalah pembangunan fizikal dengan beberapa projek pembangunan dan penaiktarafan di Kampung Cross Street 2 hingga kawasan perkampungan Melayu di sempadan Permatang Pasir – Taman Desa Murni, Sungai Dua, dan menaiktaraf Pasar Awam Penanti dan Pasar Awam Samagagah dalam membantu dan memenuhi kehendak rakyat.

“Selain itu, kita dapat lihat hasil perubahan perhubungan yang harmoni dan kukuh dalam kalangan masyarakat berbilang kaum setelah berbagai-bagai program dilaksanakan bagi mendekatkan seluruh masyarakat di sini,” ujarinya.

Tambah beliau, pencapaian yang paling berharga adalah apabila dilantik sebagai YDP MAINPP.

“Dengan tanggungjawab yang telah diamanahkan ini, saya dapat memainkan peranan di peringkat negeri dalam

pemilihan jawatankuasa kariah.

“Pemilihan jawatankuasa ini sangat penting bagi meletakkan pentadbiran masjid pada tahap yang terbaik,” jelasnya lagi.

Dalam pada itu, Mohd. Salleh turut menekankan akan turut memperkemaskan pengurusan tanah-tanah wakaf dan pembangunannya demi umat Islam di negeri ini dengan lebih sistematik.

“Apa yang penting adalah kemenangan harus dicapai dalam pilihanraya yang terdekat ini kerana lebih banyak lagi agenda besar yang akan Kerajaan Negeri PR Pulau Pinang laksanakan.

“Antaranya, sebuah hospital Islam akan ditubuhkan di sebidang tanah wakaf di Bayan Baru dengan kerjasama Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP),” ujarinya.

Sebelum mengakhiri sesi temubual, Mohd. Salleh menyatakan bahawa selepas ini, pemimpin dan rakyat Pulau Pinang akan berhadapan dengan Pilihanraya Umum yang ke-13 yang ternyata akan lebih sengit.

“Seperti yang rakyat Pulau Pinang telah buktikan dalam pilihanraya lalu, kita mengharap para petugas, tenaga kerja parti dan semua yang terlibat dengan pilihanraya akan datang melakukannya dengan lebih baik lagi,” katanya.

Perkembangan positif ketibaan pelancong melalui jalan udara

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

GEORGE TOWN - Kadar kemasukan pelancong di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (bukan warganegara Malaysia) meningkat sebanyak 1.10 peratus tahun lalu (2012) dengan catatan 614,039 orang berbanding tahun 2011 (607,340).

Malah, kadar ketibaan pelancong di lapangan terbang domestik turut menunjukkan peningkatan sebanyak 2.47 peratus pada tahun 2012 dengan jumlah 1,212,014 orang berbanding 2011 (1,182,019).

Daripada jumlah itu, 10 negara yang mencatat kemasukan pelancong tertinggi ke Pulau Pinang adalah Indonesia, Singapura, China, Jepun, Amerika Syarikat, Taiwan, Australia, Thailand, United Kingdom dan India.

Kenyataan tersebut dinyatakan

Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Danny Law Heng Kiang baru-baru ini.

“Kadar ketibaan pelancong ke Pulau Pinang melalui jalan udara mengalami perkembangan positif,” katanya pada sidang media di sini.

Beliau dalam pada itu turut mengumumkan lima syarikat penerbangan luar negara yang mencatatkan peratus kadar ketibaan pelancong tertinggi di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi tahun 2012.

“Kedudukan teratas disandang oleh syarikat penerbangan, *China Southern Airlines* sebanyak 50.6 peratus; tempat kedua, *Indonesia Air Asia* (33.19 peratus); tempat ketiga, *Seri Wijaya* (28.96 peratus); tempat keempat, *Jet Star Airways* (20.85 peratus); dan kelima, *Tiger Airways* (20.48 peratus).



DANNY Law Heng Kiang (dua dari kanan), ditemani kakitangan *China Southern Airlines* pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Statistik Kemasukan Pelancong Di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang :

Tahun	Bukan Warganegara (orang)	Domestik (orang)
2011	607340	1182019
2012	614039	1212014

(Sumber : Pejabat Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan Kerajaan Negeri).

Bilik gerakan media PER3 pastikan salur maklumat tepat

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

DATOK KERAMAT – Pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Pertiga Malaysia (PER3) cawangan Pulau Pinang kini memiliki bilik gerakan media bagi menyalurkan maklumat lebih tepat dan telus kepada masyarakat tanpa membabitkan mana-mana parti politik bertempat di tingkat atas Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kebun Lama di sini.

Menurut Timbalan Presiden Per3 Malaysia, Ahmad Azhar Othman, PER3 turut akan mengoperasikan radio internet pertubuhan dalam masa terdekat.

“Bilik gerakan media PER3 akan memastikan bahawa sumber-sumber maklumat yang diterima dan disampaikan kepada umum dengan tepat.

“Ianya tidak akan berat sebelah kepada mana-mana parti politik. Ini bermakna jika PER3 rasakan sesuatu tindakan parti politik itu salah, maka kami akan ‘menegur’,” katanya pada Majlis Perasmian Bilik Media PER3 di sini baru-baru ini.

Bersempena majlis tersebut, sebanyak 80 sumbangan berupa barangan keperluan harian turut

didermakan oleh Pertubuhan PER3 kepada para penduduk kurang berkemampuan dan kurang bernasib baik di sini.

Ahmad Azhar dalam pada itu turut berharap dengan pembukaan bilik media tersebut, PER3 juga dapat membantu menyusun beberapa aktiviti untuk masyarakat belia dan remaja bagi mengelakkan golongan tersebut terjerumus ke dalam masalah sosial seperti rempit, dadah dan sebagainya.

Sementara itu, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain yang turut hadir pada majlis berkenaan turut menyambut baik penubuhan bilik media berkenaan.

“Saya sentiasa menyokong pertubuhan seperti ini yang ingin



ABDUL Halim Hussain (tengah) bersama-sama Ahmad Azhar Othman (tiga dari kiri) berbincang sesuatu dengan salah seorang penduduk bersempena Majlis Perasmian Bilik Media PER3 di sini baru-baru ini.

bekerjasama dengan kerajaan.

“Sekurang-kurangnya dapat membantu Kerajaan Negeri dalam hal-hal tertentu contohnya berkongsi dengan rakyat bahawa DUN sekarang

juga adalah lebih terbuka dengan menggalakkan masyarakat umum datang melawat supaya lebih mengenali fungsinya,” ujar Abdul Halim.

Mansor rasmi asrama puteri Madrasah Al-Irsyadiah

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

SUNGAI BAKAP - Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman baru-baru ini merasmikan bangunan baru Asrama Puteri Madrasah Irsyadiah Al-ashraf Al-wataniah yang bernilai RM200,000 di atas sebidang tanah wakaf awam di sini.

Mansor berkata, beliau sedia mengeluarkan sejumlah peruntukan sendiri untuk melengkapkan pembangunan bumbung bangunan asrama sekolah agama rakyat (SAR)

tersebut sekiranya diperlukan.

“Sejak mengambil alih Kerajaan Negeri pada tahun 2008 dulu, kita senantiasanya mengikuti dan membantu perkembangan pendidikan Islam di madrasah ini,” ujar beliau pada majlis perasmian di sini baru-baru ini.

Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Maktar Shafee dan Mohd. Kamil Abu Bakar (Pegawai Penyelaras Kawasan

Dewan Undangan Negeri Sungai Acheh) dan ‘Mudir’ Abdul Aziz turut hadir pada majlis itu.

Mansor yang juga Penaung Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) berkata, peruntukan agama Islam serta peruntukan untuk SAR yang ditingkatkan saban tahun membuktikan Kerajaan Negeri komited memartabatkan Islam serta pendidikan Islam di negeri berkenaan.

Difahamkan, peruntukan hal ehwal agama Islam di negeri berkenaan pada tahun 2009 berjumlah RM35.78 juta, diikuti,

RM37.85 juta (2010), RM63.21 juta (2011) dan RM64.03 juta (2012).

Manakala, peruntukan pembangunan SAR merangkumi peruntukan modal dan pembaikan bagi tahun 2009 berjumlah RM4.55 juta, RM4.32 juta (2010), RM4.61 juta (2011) dan RM4.6 juta (2012).

“Sebelum kita (Pakatan Rakyat) mengambil alih Kerajaan Negeri Pulau Pinang, ada di antara SAR yang disekat bantuan perkapita oleh (Kerajaan) Pusat disebabkan perbezaan ideologi politik.



MANSOR Othman.

“Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekarang komited memartabatkan Islam...kita akan terus mencari jalan supaya anak-anak kita di sekolah-sekolah agama rakyat dapat belajar selesa dengan bantuan wakaf orang awam dan sumbangan pendidikan daripada Kerajaan Negeri,” ujar beliau.



KETUA Menteri dan Farizan Darus (enam dari kiri) memegang replika cek sambil ditemani para penjawat awam negeri pada Program Bersama Tangisan Gaza dan Penyerahan Kutipan Tabung Sumbangan Gaza di sini baru-baru ini.

Sumbangan RM203,092 untuk Gaza

GEORGE TOWN - Atas keprihatinan terhadap nasib penduduk Palestin, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) dan Kerajaan Negeri di sini telah melancarkan Tabung Sumbangan Gaza (Siri 2) untuk membantu rakyat negara terbabit.

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Datuk Farizan Darus berkata, kutipan Tabung Sumbangan Gaza (Siri 2) bermula sejak 14 Januari sehingga 4 Februari lalu khusus untuk penjawat awam negeri.

“Siri 1 hasil kutipan adalah RM72,603, manakala bagi Siri 2 jumlahnya ialah RM30,489 menjadikan hasil kutipan bagi PSUK adalah RM103,092.

“Hasil kutipan ini juga akan disampaikan kepada wakil Aman Palestin Pulau Pinang yang akan mengikuti misi ke Gaza dalam memberi bantuan kemanusiaan,” kata Farizan yang menyifatkan jumlah kutipan tersebut sedikit sebanyak dapat membantu rakyat Palestin.

Beliau berkata demikian dalam Program Bersama Tangisan Gaza

dan Penyerahan Kutipan Tabung Sumbangan Gaza di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut menyampaikan sumbangan peribadi berjumlah RM100,000 bagi membantu rakyat Palestin.

“Sayugia, hasil kutipan ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri dan penjawat awam negeri yang tinggi serta sebagai tanda solidariti dan kemanusiaan masyarakat Malaysia khususnya Pulau Pinang.

“Walaupun berbeza ideologi dan budaya, tetapi program sebegini mampu menyatukan kita semua untuk menghulurkan bantuan kepada rakyat Palestin kerana kita menentang keras tindakan kejam rejim Israel ke atas rakyat Palestin,” ucap beliau.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Datuk Muhammad Yusoff Wazir, Pengerusi Ahli Majlis Aman Palestin Pulau Pinang, Hamidi Abu Hassan dan Pengurus Aman Palestin Pulau Pinang, Budiyanto Unggun.

Kehebatan pasukan negeri, Terengganu tidak jauh - Merzagua

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN -

Status penghuni Liga Persatuan Bola Sepak Malaysia (Liga FAM) ternyata bukan halangan bagi Pulau Pinang menyaingi kehebatan Terengganu yang bermain di Liga Super pada Perlawanan Pusingan Kedua Piala F.A di Stadium Bandaraya di sini baru-baru ini.

Bagi Jurulatih Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang, Merzagua Abderrazak, jurang kehebatan kedua-dua pasukan tidak begitu jauh (bahkan dalam kelas yang sama), cuma beberapa perkara sedikit sebanyak dipergunakan Terengganu dalam memenangi perlawanan tersebut dengan 3-0.

“Saya lihat tahap pemain saya dan Terengganu tidak jauh berbeza.

“Terengganu memanfaatkan dua pemain import mereka di bahagian pertahanan dan serangan, sambil pemain saya yang sedikit gugup dan hormat kepada lawan,” ujarinya kepada Buletin Mutiara sejurus selepas tamat perlawanan Pusingan Kedua Piala F.A di sini baru-baru ini.

Beraksi di hadapan 8,000 penyokong, Pulau Pinang terlebih dahulu dikejutkan jaringan awal oleh bekas pemain kebangsaan Ashaari Shamsudin pada minit kedua.

Bangkit dari itu, Pulau Pinang mengasak kubu Terengganu, namun berjaya dipatahkan



EFFA Owona (dua dari kanan) diasak tiga pemain Pulau Pinang (jersey biru) pada Perlawanan Pusingan Kedua Piala F.A di Stadium Bandaraya di sini baru-baru ini.

pertahanan pasukan lawan.

Bersambung separuh masa kedua ketika leka mengasak sekali lagi kubu Pulau Pinang dibolosi menerusi pemain sama (Ashaari Shamsudin) yang bijak memperdayakan beberapa pemain pertahanan Pulau Pinang.

Hasrat kebangkitan sambil sorakan semangat penyokong Pulau Pinang seolah-olah dimatikan pada minit ke-74 apabila Khairul Ramadan melakukan larian solo di kiri pintu gol sebelum merembat kencang ke gawang Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Merzagua memuji semangat juang anak buahnya yang tinggi di samping sokongan padu ribuan penyokong yang setia memenuhi stadium.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain dan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

Pohon laporan EIA tidak benar – Hon Wai

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri menafikan sekeras-kerasnya dakwaan menyatakan bahawa Kerajaan Negeri memohon laporan Penaksiran Impak Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment* - EIA) bagi projek pembangunan di Kampung Bagan Serai, Seberang Perai Tengah (SPT) baru-baru ini.

Exco Perancang Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai dalam kenyataan akhbarnya menegaskan bahawa Jabatan Alam Sekitar (JAS) tidak memohon sebarang laporan EIA dan syarat tersebut tidak dikenakan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN).

“Saya telah menyemak rekod permohonan bagi Kampung Bagan Serai oleh JKP Sdn. Bhd. (JKPSB) dan tanah tersebut dizonkan sebagai kawasan perindustrian.

“JKPSB telah mengikut prosedur permohonan ke JPN untuk pelingkungan semula dari kawasan perindustrian ke kawasan pembangunan am,” jelasnya yang menegaskan bahawa JPN telahpun

meluluskan permohonan pelingkungan semula zon pada 20 November 2012 dan disahkan pada 3 Disember 2012 lalu.

Dalam permohonan tersebut, katanya, JKPSB telah mengemukakan permohonan antara lain membina 330 unit rumah kos rendah Fasa 2A, 704 unit pangsapuri kos sederhana Fasa 2B, 78 unit rumah teres dua tingkat Fasa 1 dan 22 unit kedai pejabat Fasa 1 di atas tanah berkeluasan 14 ekar tersebut.

“Saya ingin menegaskan bahawa prosedur permohonan pelingkungan semula zon perlu mendapat kelulusan JPN dan ianya terpakai untuk semua pemaju bagi memastikan ia memenuhi kepentingan awam.

“Kawasan projek ini (Kampung Bagan Serai) telahpun diklasifikasikan sebagai kawasan pembangunan am,” jelasnya.

Terdahulu, dalam dua kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Setiausaha UMNO Pulau Pinang, Datuk Azhar Ibrahim menyatakan bahawa Kerajaan Negeri mengenakan pelbagai syarat termasuk penyerahan laporan EIA bagi projek

pembangunan di Kampung Bagan Serai, SPT baru-baru ini.

Hon Wai memberitahu, JPN telah mengenakan syarat tambahan iaitu rumah kos rendah ditambah 400 unit untuk penempatan penduduk-penduduk setinggan di kawasan tersebut dan baki rumah kos rendah perlu diagihkan kepada pembeli-pembeli berdaftar yang layak mengikut dasar Kerajaan Negeri.

“Penambahan ini bukan luar biasa kerana JPN sebelum ini juga mengenakan tambahan unit rumah mampu milik kepada pemaju swasta yang lain.

“ J P N berpandangan sebagai sebuah agensi kerajaan

y a n g menggunakan skim perumahan awam, JKPSB perlu menambahkan unit perumahan mampu milik dan bukannya membina rumah kos sederhana,” tegas beliau.

Tambah Hon Wai, Nor Mohamed dan Azhar mungkin tidak mendapat gambaran yang sebenar dan tepat dari JKPSB sehingga mengeluarkan kenyataan yang tidak berasas sama sekali.



WONG Hon Wai.

Pegawai KM adu polis, sanggah fitnah



ZAIRIL Khir Johari (tengah) bersama aktivis-aktivis muda Pulau Pinang menunjukkan laporan polis di perkarangan IPD Timur Laut di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Satu laporan polis terhadap Datuk Seri Najib Tun Razak dibuat gara-gara Perdana Menteri itu didakwa mengeluarkan kenyataan berunsur fitnah sehingga dianggap memberi gambaran tidak benar pada imej Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Zairil Khir Johari selaku Pegawai Khas bagi Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, usaha Kerajaan Negeri memartabatkan Islam di Pulau Pinang sekarang sebenarnya jauh lebih baik berbanding era Barisan Nasional (BN) memerintah negeri berkenaan dulu.

“Kalau kita lihat rekod prestasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diterajui Ketua Menteri yang juga Setiausaha Agung DAP (Guan Eng), hal ehwal agama Islam ditingkatkan berkali ganda,” ujar Zairil di perkarangan Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut di sini baru-baru ini.

Kevin Khoo, Chris Chun Kit Lee, Martim Lim dan Haris Zuan antara aktivis muda Pulau Pinang yang turut menyertai sidang media bersama-sama Zairil.

Zairil yang juga Ketua Pegawai Eksekutif *Penang Institute* (PI) berkata, peruntukan hal ehwal agama Islam bagi tahun 2008, iaitu semasa BN memerintah Pulau Pinang

berjumlah RM25.49 juta sahaja.

Semasa era Guan Eng menjadi Ketua Menteri, beliau berkata, peruntukan hal ehwal agama Islam bagi tahun 2009 adalah berjumlah RM35.78 juta, diikuti RM37.85 juta (2010), RM63.21 juta (2011), RM64.03 juta (2012) dan RM164 juta (2013).

Tambah Zairil, pentadbiran Guan Eng telah membeli 3.208 ekar tanah bukan Islam yang bernilai RM20 juta bagi menyelesaikan masalah kepadatan tanah perkuburan Islam dekat Jelutong.

“13 tahun (Kerajaan Negeri era) UMNO tidak mampu selesaikan, (tetapi) diselesaikan oleh Kerajaan Negeri sekarang,” tegasnya.

Tuntas itu, Zairil berkata, beliau menyanggah kenyataan berunsur fitnah Najib sebagaimana dilaporkan akhbar Bahasa Inggeris, *The Star* baru-baru ini.

“(Kenyataan Najib) itu tidak benar sama sekali. Ia berunsur fitnah. Kami berharap pihak polis akan mengambil tindakan terhadap fitnah yang berbahaya ini,” kata beliau.

Terdahulu, kenyataan Najib yang diterjemah dari akhbar *The Star* antara lain menyebut, “Satu undi bagi PKR akan memusnahkan akidah manakala undi untuk PAS akan menyebabkan perpecahan di kalangan umat Islam dan undi untuk DAP akan melihat Islam sedang ditindas.”



PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG DOKUMEN PRA-KELAYAKAN

Tawaran ini dibuka kepada Penaja Projek yang terdiri daripada syarikat tempatan dan antarabangsa untuk menyertai **Dokumen Pra-Kelayakan** seperti berikut:-

TAJUK : DOKUMEN PRA-KELAYAKAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN CRUISE TERMINAL DI ATAS TANAH KERAJAAN NEGERI DI LOT 4 DAN LOT BERSEMPADAN LOT 4, SEKSYEN 24, BANDAR GEORGE TOWN, PULAU PINANG, MALAYSIA

TARIKH DIBUKA : 15 MAC 2013 (JUMAAT)

TARIKH DITUTUP : 15 MEI 2013 (RABU)

Dokumen Pra-Kelayakan tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di <http://www.penang.gov.my/> dan Sistem ePerolehan Negeri Pulau Pinang <http://ep.penang.gov.my/> mulai 15 Mac 2013.

Dokumen lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan **Dokumen Pra-Kelayakan Pembangunan Dan Pengurusan Cruise Terminal Di Atas Tanah Kerajaan Negeri Di Lot 4 Dan Lot Bersempadan Lot 4, Seksyen 24, Bandar George Town, Pulau Pinang, Malaysia**. Cadangan lengkap tersebut hendaklah dihantar sebelum **12.00 tengah hari** pada **15 Mei 2013** kepada :

**Sekretariat,
Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI),
Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang
MALAYSIA**

Dokumen yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertinggi.

Jawatankuasa khas tangani kes murtad diwujudkan

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

GEORGE TOWN – Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim mengumumkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bakal mewujudkan jawatankuasa saudara baru di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Agama) sebagai satu pendekatan dalam menangani isu murtad dalam kalangan saudara baru (mualaf) di negeri ini.

Pengumuman itu dibuat setelah satu sidang muzakarah (perbincangan) khas antara agensi-agensi kerajaan, cendekiawan Islam dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) diadakan 26 Februari lalu.

Abdul Malik memberitahu, berdasarkan kepada kajian, antara



ABDUL Malik Abul Kassim.

punca murtad dalam kalangan saudara baru adalah disebabkan akidah yang tidak mantap, kekangan ekonomi, cabaran masyarakat sekeliling dan kes perceraian.

Selain itu, beliau berkata, melalui

jawatankuasa berkenaan, Kerajaan Negeri juga akan mengemaskini undang-undang dan prosedur sedia ada bagi menangani isu murtad dan mengelakkannya daripada terus berleluasa.

“Justeru, usaha bersepadu diambil bagi mendekatkan semula hidup saudara baru ini dengan masyarakat dan ajaran Islam.

“Penubuhan jawatankuasa saudara baru ini dan ‘Team Ziarah Khas’ akan berperanan bagi mendampingi dan menyelia perkembangan golongan terbabit agar tidak tersisih mahupun terpinggir dengan kehidupan baru Islam,” katanya.

Dalam pada itu, Abdul Malik turut memetik antara hasil muzakarah adalah bagi memberi khidmat lebih teratur terhadap pasangan yang ingin berkahwin dan keluarga mereka dengan memastikan (keluarga) kedua-dua belah pihak Islam dan bukan Islam terlibat sama dengan harmoni.

“Islam adalah agama kasih

sayang, kefahaman dan hormat. Dengan usaha-usaha proaktif terhadap muzakarah ini, diharap ia dapat mengurangkan masalah perceraian di negeri ini,” ujar beliau.

Agensi-agensi yang terlibat adalah Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang; Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang; Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JAINPP); Bekas Mufti Negeri Perlis, Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) melibatkan *Islamic Propagation Society International* (IPSI), Haluan Malaysia, Skuad Mubaligh Negeri Sembilan, Pertubuhan Al-Qadim, Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM), *Hidayah Centre* dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).

Atlit bina badan wanita pertama negara cemerlang di arena antarabangsa

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN – Anak kelahiran Pulau Pinang yang merupakan atlit bina badan wanita pertama negara, Lilian Tan yang berjaya memenangi pingat emas pada acara *World Bodybuilding And Physique Federation* (WBPF) *World Championships* di Bangkok baru-baru ini memperoleh pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri di sini.

Majlis penyampaian insentif penghargaan bernilai RM5,000 daripada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) disempurnakan Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Ong Kok Fooi dan Presiden Persekutuan Angkat Berat Malaysia, Datuk Ong Poh Eng.

Lilian berkata, beliau bangga dapat mengharumkan nama Malaysia walaupun pada dasarnya penglibatannya sebagai seorang wanita di dalam bidang angkat berat tidak digalakkan di sini (Malaysia).

“Saya berbangga dapat mengharumkan nama Malaysia dengan memperoleh pingat emas yang pertama di Bangkok.

“Diharapkan kejayaan ini bakal menjadi dorongan buat wanita di luar sana untuk turut serta dalam bidang angkat berat kerana ianya merupakan satu bidang sukan yang menyihatkan,” ujamnya pada satu sidang media sejurus selepas majlis penganugerahan penghargaan di sini baru-baru ini.

Lilian, 40-an, mula menceburi sukan angkat berat ketika berada di Amerika Syarikat selama 19 tahun sebelum pulang ke Malaysia.

Beliau dalam pada itu berharap prestasi dan



LILIAN Tan (tengah) menunjukkan pingat emas dan trofi dimenangi sambil diapit Lydia Ong Kok Fooi (kiri) dan Ong Poh Eng pada Majlis Penyampaian Insentif Khas di sini baru-baru ini.

kejayaannya akan membantu dalam mempromosikan sukan angkat berat di sini.

“Pada tahun 2011, saya telah memenangi pingat Perak. Diharapkan pada tahun hadapan (2014), saya dapat mengekal dan mempertahankan pingat Emas yang diraih ini,” jelasnya ketika mengulas mengenai kejayaan dicapai.

Lanjutan itu, Kok Fooi memberitahu, Pulau Pinang amat berbangga dengan kejayaan Lilian dan berharap beliau dapat pergi lebih jauh bagi meraih kejayaan di peringkat antarabangsa.

“Sukan angkat berat adalah suatu seni.

“Saya harapkan kejayaannya ini bakal menjadi pendorong untuk beliau pergi lebih jauh.

“Yang penting, kita harapkan suatu hari nanti Malaysia akan mengiktiraf semua jenis sukan agar bakat-bakat yang ada serta baru dapat diketengahkan,” katanya.

PDC biaya Dewan Bankuet & Sukan Seberang Jaya

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

SEBERANG JAYA -

Kerajaan Negeri akan membina sebuah dewan bankuet lengkap dengan prasarana sukan di Seberang Jaya yang bernilai RM9.6 juta bagi memenuhi keperluan masyarakat setempat.

Ketua Menteri, Y.A.B.

Tuan Lim Guan Eng berkata, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) atas nama tanggungjawab sosial korporat (CSR) akan membiayai kos pembangunan projek komuniti itu.

“Pulau Pinang sekarang semakin menjadi destinasi pihak luar yang menganjurkan pelbagai program sehingga dewan-dewan yang sedia ada tidak cukup untuk menampung keperluan aktiviti warga setempat.

“Dengan adanya dewan bankuet lengkap dengan pelbagai kelengkapan seperti penghawa dingin dan kemudahan *Meetings, Incentives, Conferences* dan *Exhibitions* (MICE), yang pada masa ini hanya disediakan oleh pihak hotel, mampu menampung keperluan warga setempat, terutama kenduri perkahwinan.

“Saya juga gembira dengan peranan yang dimainkan oleh PDC selama bertahun-tahun sebagai warga korporat yang bertanggungjawab kepada Kerajaan Negeri dan ini diterjemahkan dalam aktiviti CSR,” ujamnya pada



LAKARAN artis Dewan Bankuet dan Sukan Bandar Seberang Jaya di sini.

Majlis Pelancaran Projek Dewan Bankuet dan Sukan Bandar Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Guan Eng berkata, projek itu adalah di atas tanah milik PDC berkeluasan 13,040 meter persegi, bersebelahan Pusat Renang Awam Bandar Seberang Jaya, di sini.

Difahamkan, projek komuniti tersebut merangkumi dewan bankuet berhawa dingin dengan kapasiti sebanyak 100 meja bulat (1,000 orang), jamuan makan di luar yang boleh memuatkan 30 meja, pejabat dan bilik-bilik pementasan, bilik mesyuarat dan bilik AV, dewan tertutup dengan pentas, gelanggang futsal, badminton dan bola keranjang.

Tapak parkir berkeluasan 7,300 meter turut disediakan bagi menampung kira-kira 560 kereta, 187 motosikal dan 12 bas pada satu-satu masa.

Tambah beliau, projek pembangunan berkenaan akan mengambil masa selama 18 bulan dan disasar siap pada Julai tahun depan.

Pulau Pinang Tawar Paradigma Pembangunan Baru Buat Malaysia

Cabaran Malaysia dan Pulau Pinang Kini

Di Malaysia, orientasi pembangunan negara sering disalahertikan sebagai peningkatan jumlah bangunan. Pandangan ini sangat ketara sejak era kepimpinan Tun Dr Mahathir apabila pencapaian pembangunan negara sering dinisbahkan kepada kejayaan negara mendirikan dua menara berkembar phallic gergasi yang dinamakan Menara Berkembar Petronas dan membina pusat pentadbiran baru dengan kubah-kubah besar di Prang Besar, Sepang—kemudiannya dinamakan Putrajaya. Tanpa menafikan sumbangan Tun Dr Mahathir ini, harus diinsafi bahawa takrif pembangunan melangkaui projek mega ini semata-mata.

Sejak awal lagi sudah terdapat kritik yang besar terdapat model pembangunan yang digunapakai oleh negara ini. Antara yang terawal mengkritik secara sistematik adalah Jomo KS, pakar ekonomi negara yang kini berkhidmat untuk Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO). Melalui makalahnya, *The Way Forward? The Political Economy of Development Policy Reform in Malaysia*. (1993) Jomo menegaskan bahawa masyarakat bukanlah homo economicus, tetapi penuh dengan komitmen sosial yang rencam, ikatan kekeluargaan, kepatuhan agama, kesetiaan etnik, sentimen patriotik, keperluan psikologi dan kepercayaan moral. Pembangunan yang gagal mengambil kira dimensi ini pasti akan gagal.

Harus diakui, dasar pembangunan negara selama ini telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan negara daripada 50 peratus pada 1970 kepada 5.7 peratus pada 2004 dan kepada 3.9 peratus pada 2009—dengan Pulau Pinang mencatatkan kadar kemiskinan 1.2 peratus pada tahun 2009. Namun dalam masa yang sama, pengagihan pendapatan merosot dengan pekali Gini negara di tahap 0.462 dan jurang pendapatan intra-etnik semakin melebar. Dalam masa yang sama, negara kini, semenjak tahun 1996 terperangkap dalam middle income trap. Sebagai bandingan, Semasa pembentukan Malaysia

pada tahun 1963, pendapatan Malaysia adalah 13.6% daripada pendapatan AS, manakala pendapatan Korea Selatan dan Taiwan lebih rendah; masing-masing pada 10.7% dan 12.6%. Kini, lebih lima puluh tahun berlalu, Malaysia jauh ketinggalan dan kini hanya menikmati separuh kekayaan yang dimiliki Korea dan Taiwan. Sementara Korea dan Taiwan sudah melonjak menjadi ekonomi berpendapatan tinggi, Malaysia masih lagi terjat dalam perangkap pendapatan sederhana, walaupun mempunyai banyak kelebihan semulajadi berbanding Korea Selatan dan Taiwan.

Pada masa yang sama, sistem persekutuan yang diamalkan oleh negara ini sangat terpusat daripada segi sumber dan kuasa. Gabungan belanjawan 13 negeri di Malaysia hanya berjumlah 6 peratus belanjawan Persekutuan. Pemusatan ini menjadikan bidang kuasa dan kemampuan Kerajaan Negeri sangat terbatas dan dalam masa yang sama mengurangkan kecekapan pengurusan, khasnya dalam perkara yang bersifat tempatan seperti pengurusan perkhidmatan pengangkutan awam bandar dan pembentungan. Tambahan pula semenjak tahun 1965, Pilihan Raya Kerajaan Tempatan telah dihapuskan dan kini fungsi kerajaan tempatan sangat terhad dan sukar untuk menjadi responsif kepada keperluan setempat.

Paradigma Pulau Pinang

Berdepan dengan senario ini, *Penang Institute*, sebagai sebuah badan pemikir Kerajaan Negeri Pulau Pinang, telah membentangkan *Penang Paradigm* atau Paradigma Pulau Pinang sebagai kerangka pembangunan negeri yang menyeluruh untuk tempoh 10 tahun daripada sekarang (2012-2023) ke arah membentuk masyarakat yang berimbang. Setelah mengadakan banyak siri perbincangan dengan pegawai kerajaan, ahli akademik dan NGO, Pelan Paradigma Pulau Pinang ini diketuai oleh Prof Dato' Dr Woo Wing Thye, Pengarah Eksekutif *Penang Institute* yang juga mantan penasihat ekonomi untuk Perbendaharaan Amerika Syarikat



kini dipersembahkan kepada kerajaan dan juga warga Pulau Pinang.

Paradigma Pulau Pinang menekankan bahawa pemulihan kedinamikan ekonomi sahaja tidak boleh menghasilkan pertumbuhan pendapatan tinggi yang berterusan di Pulau Pinang. Usaha ini juga perlu kepada peningkatan drastik dalam taraf kesesuaian untuk didiami dan kelestarian alam sekitar di Pulau Pinang, dan pengukuhan keharmonian dan rangkuman sosial di Pulau Pinang. Hanya dengan kemajuan dalam ketiga-tiga bidang — kerancangan ekonomi, kesesuaian untuk didiami dan kelestarian, dan pembangunan sosial — Pulau Pinang akan menjadi masyarakat seimbang yang dapat memupuk penajaan idea bertaraf dunia, mengukuhkan pelaburan swasta untuk merealisasikan idea-idea perniagaan, terutamanya di pasaran antarabangsa, dan menyediakan infrastruktur awam yang diperlukan untuk memastikan manfaat maksimum dalam kebajikan sosial.

Bermula dari bulan Mac 2008, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan tiga kumpulan dasar untuk mengurangkan kesan mudarat dasar Persekutuan di Pulau Pinang: kapitalisma kroni dengan persaingan yang adil, misalnya tender terbuka untuk projek-projek awam; memulakan desentralisasi dalam proses membuat keputusan, contohnya mendesak untuk pilihan raya pihak berkuasa tempatan; menghentikan kemerosotan dalam kualiti perkhidmatan kerajaan, contohnya menggunakan prinsip CAT (Cekap, Akauntabeliti, Telus) dalam tadbir urus.

Mulai 2013 dan seterusnya, Paradigma Pulau Pinang mencadangkan Kerajaan Negeri

Pulau Pinang perlu melaksanakan program-program yang mapan untuk: mengukuhkan penajaan idea kreatif di Pulau Pinang; meningkatkan pelaburan swasta di Pulau Pinang dalam industri pembuatan hijau berteknologi tinggi dan industri perkhidmatan moden bernilai tinggi melalui kerjasama awam-swasta; menaik taraf perkhidmatan awam dalam infrastruktur fizikal dan bukan fizikal.

Secara ringkasnya, teras Paradigma Pulau Pinang adalah untuk menjana pembangunan negeri dan negara yang diterajui oleh ilmu pengetahuan. Oleh itu, antara tindakan yang pertama Paradigma Pulau Pinang adalah untuk mempercepatkan penajaan idea kreatif di Pulau Pinang adalah dengan: meningkatkan pembentukan modal insan melalui: pergerakan efektif bakat yang dilahirkan dalam keluarga berpendapatan rendah dengan membasmi kemiskinan, peruntukan untuk membaikpulih sistem persekolahan; memelihara modal insan dan menarik insan berbakat dari tempat lain melalui pengukuhan amalan meritokrasi pertumbuhan industri bergaji tinggi kesesuaian untuk didiami dan kelestarian, dan keharmonian sosial.

Matlamat pelaksanaan Paradigma Pulau Pinang ini adalah untuk menjadikannya sebuah negeri pintar yang bertaraf antarabangsa.

Penglibatan Aktif Masyarakat dalam Pembangunan Paradigma Pulau Pinang ini telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Lim Guan Eng dan dibentang untuk maklum balas awam pada 23hb Februari 2012 yang lalu di Pulau Pinang. Pameran dan maklum balas awam ini akan berjalan selama dua minggu, bertempat di Town Hall di Georgetown dan Dewan MPSP di Bandar Perda, Seberang Jaya. Mereka yang berminat juga boleh melayari website Paradigma Pulau Pinang di <http://penangparadigm.com>.

penangparadigm.com.

Penang Institute dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang percaya bahawa sebarang model pembangunan yang gagal melibatkan penyertaan langsung masyarakat tidak akan berjaya sepenuhnya. Hal ini kerana tidak ada sesiapa yang lebih mengetahui keperluan dan kehendak setiap anggota masyarakat itu melainkan diri mereka sendiri. Menyedari akan hakikat ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa memastikan terdapat ruang untuk semua lapisan masyarakat ikut serta dalam proses membuat keputusan di negeri ini, apatah lagi yang berhubung dengan pelan pembangunan jangka panjang.

Tawaran Buat Malaysia

Jelas bahawa analisa dan cadangan yang disediakan di dalam Paradigma Pulau Pinang bukan semata-mata eksklusif untuk negeri ini sahaja — kerana dasar yang memanfaatkan Pulau Pinang pasti juga akan memanfaatkan Malaysia, memandangkan Pulau Pinang merupakan penyumbang hampir setengah jumlah eksport barangan elektrik dan elektronik serta 9% KDNK negara.

Oleh yang demikian, Penang Institute telah mengambil keputusan untuk melancarkan Paradigma Pulau Pinang di Kuala Lumpur juga, bukan sahaja untuk berkongsi pelan pembangunan ini, tetapi juga untuk mendapat maklumbalas daripada semua bagi memperhalusi lagi pelan tersebut. Jelas, jika lebih banyak khalayak dan kumpulan awam berkepentingan dapat dilibatkan, sesuatu dasar itu akan menjadi lebih demokratik dan benar-benar mencerminkan hasrat dan kemahuan masyarakat terbanyak. Jika bukan kerana kekangan kewangan dan logistik, pastinya Paradigma Pulau Pinang ini akan melakukan jelajah di setiap negeri. Maka dengan segala keterbatasan ini, Penang Institute dengan rendah hati menawarkan Paradigma Pulau Pinang untuk Malaysia.

Haris Zuan

Pegawai Eksekutif Penang Institute

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YAB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PENANTI YB Dato' Mansor Othman mansor@penang.gov.my	(T) 04 - 522 1463 (F) 04 - 522 1463
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 650 5134 (F) 04 - 261 8715
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 228 8514
BATU MAUNG YB Dato' Abdul Malik Abul Kassim abdulmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Low Heng Kiang lowhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchooki@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
PANTAI JEREJAK YB Sim Tze Tzin simtze@penang.gov.my	(T) 019 - 443 2088 (F) 04 - 641 3088
MACHANG BUBOK YB Dato' Tan Hock Leong hltan@penang.gov.my	(T) 04 - 552 1366 (F) 04 - 552 1366
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 017 - 472 9990 (F) 04 - 228 8514
JAWI YB Tan Beng Huat tanbenghuat2000@yahoo.com	(T) 04 - 598 1877 (F) 04 - 598 1877
PENGKALAN KOTA YB Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 2501522 (F) 04 - 2501523
BAGAN DALAM YB Tanaseharan a/l Autheraphy afana@first.net.my	(T) 04 - 538 1162 (F) 04 - 537 1163
KEBUN BUNGA YB Ong Khan Lee jason_aki@yahoo.com	(T) 04 - 818 2008 (F) 04 - 818 2008
SUNGAI BAKAP YB Hj. Makhtar Hj. Shapee adunan.dunsgbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Ng Wei Aik ngweiaik@penang.gov.my ; nweiaik@gmail.com	(T) 04 - 227 0215 (F) 04 - 227 8215
PADANG LALANG YB Tan Cheong Heng michael@dappenang.com.my	(T) 04 - 502 5071 (F) 04 - 508 9711
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soo Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 229 2105 (F) 04 - 226 2550
PULAU TIKUS YB Koay Teng Hai koaytenghai@gmail.com	(T) 04 - 226 3227 (F) 04 - 226 3227
PERMATANG PASIR YB Dato' Hj. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbkitengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
SUNGAI PINANG YB Koid Teng Guan tgkoid@gmail.com	(T) 010 - 464 3308 (F) 04 - 282 8322
BATU UBAN YB Raveentharan a/l Subramaniam dunbatububan@gmail.com raveenkeadallan@gmail.com	(T) 04 - 659 6007 (F) 04 - 658 6007 04 - 2628188
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 04 - 227 1397 04 - 226 6482 (F) 04 - 228 8514

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Dato' Haji Azhar Ibrahim	(T) 04 - 310 3100 (F) 04 - 323 8017
BERTAM YB Hajah Zabarlah Wahab	(T) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Dato' Haji Roslan Saidin	
PERMATANG BERANGAN YB Haji Shabudin Yahya	(T) 04 - 573 4630 (F) 04 - 570 1997
SUNGAI DUA YB Dato' Haji Jasmin Mohamed	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Dato' Hjh. Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 3675 (F) 04 - 351 4389
SEBERANG JAYA YB Datuk Arif Shah Haji Omar Shah arif@arifshah.com	(T) 04 - 398 0185
SUNGAI ACHEH YB Dato' Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Syed Amerruddin Dato' Syed Ahmad	
PULAU BETONG YB Sr. Haji Muhammad Farid Saad	
TELUK BAHANG YB Dato' Seri Dr. Haji Hilmi Hj Yahya	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Hj Rosidi Bin Hussain albertami@yahoo.com 019-4704 800	(T) 04 - 575 6577 (F) 04 - 575 8578
BERTAM Asrol Sani Bin Abdul Razak asrolsani2006@gmail.com	(T) 013 - 580 6981
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhamad hadiputra78@yahoo.com	(T) 019-437 2887
PERMATANG BERANGAN Arshad Bin Md Salleh arshad.salleh@yahoo.com	(T) 019 - 510 2633
SUNGAI DUA Zahadi Mohd zahadi55@yahoo.com	(T) 019 - 507 3828
TELOK AIR TAWAR Salehin Mohamed pjd_403@yahoo.com	(T) 017- 427 1581
SEBERANG JAYA Abdul Jalil Che Ros abjiteguh@gmail.com	(T) 04 - 390 5109 013 - 489 3227 (F) 04 - 538 1460
SUNGAI ACHEH Hj Mohd Kamil Bin Abu Bakar hjwanday@yahoo.com	(T) 012 - 4735774 (F) 04 - 582 7648
BAYAN LEPAS Asnah Binti Hashim asnah_45@streamyx.com	(T) 019 - 472 6956 04 - 6588152
PULAU BETONG Hj Mohd Tuah Bin Ismail tuahismail@yahoo.com	(T) 019 - 570 9500 (F) 04 - 866 8618
TELUK BAHANG Halil Sabri Hamid halilsabri.hamid@gmail.com	(T) 016-400 6462

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS & AMBULANS	999	JPJ	04-656 4131
BOMBA	994		04-398 8809
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
OPERATOR ANTARABANGSA	101		
PENYELAMAT	991		
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	PUSAT INFO PELANCONG	04-261 4461
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
NEGERI		FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
KASTAM	04-262 2300	(BUTTERWORTH)	04-310 2377
IMIGRESEN	04-250 3419	JAMBATAN PP	04-398 7419
INFORMASI PENERANGAN	04-643 0373	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342		
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-397 1058	PERSATUAN PERUNDUNGAN	04-829 4046
EPF	04-226 1000	KANAK-KANAK	
SOCOSO	04-238 9888	CAP	04-829 9511
		JABATAN BURUH	04-262 5536
		PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

N1 Penaga : 019 - 470 4800	- Rosidi Hussain	N22 Tanjong Bunga : 012 - 513 6761	- Fernie
N2 Bertam : 012 - 348 5275	- Ab. Halim Hamid	N23 Air Putih : 04 - 829 0614	- Chiam Heng Hock
N3 Pinang Tunggal : 019 - 437 2887	- Muhasdey	N24 Kebun Bunga : 04 - 829 3691	- Nancy Lim
N4 Permatang Berangan : 019 - 510 2633	- Arshad Md. Salleh	N25 Pulau Tikus : 012 - 488 3227	- Joe
N5 Sungai Dua : 019 - 507 3828	- Zahadi Mohd	N26 Padang Kota : 012 - 431 7015	- Johnny Chee
N6 Telok Air Tawar : 017 - 427 1581	- Salehin Mohamed	N27 Pengkalan Kota : 012 - 437 1522	- Wang Lai Kin
N7 Sungai Puyu : 012 - 528 8411	- Ng Ya Ling	N28 KOMTAR : 012 - 412 6284	- Adreena
N8 Bagan Jermal : 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	N29 Datok Keramat : 012 - 410 6566	- A. T. Ong
N9 Bagan Dalam : 016 - 473 1963	- Gesan	N30 Sungai Pinang : 010 - 464 3308	- Anna
N10 Seberang Jaya : 013 - 489 3227	- Abdul Jalil Che Ros	N31 Batu Lintang : 04 - 282 6419	- Ooi Gaik Heoh
N11 Permatang Pasir : 019 - 412 8442	- Kamal	N32 Seri Delima : 012 - 486 2552	- Mr. Lingam
N12 Penanti : 04 - 522 1463	- Suhaimi Bin Mansor	N33 Air Itam : 012 - 493 3648	- Teh Choong Kong
N13 Berapit : 019 - 481 7823	- Ong Kee Seong	N34 Paya Terubong : 012 - 484 1963	- Toon Hoon Lee
N14 Machang Bubok : 019 - 546 3257	- Rynu	N35 Batu Uban : 017 - 541 3017	- Pamela Shalini
N15 Padang Lalang : 04 - 502 5071	- Ooi Zhen Chee	N36 Pantai Jerejak : 014 - 743 4077	- Akmal Komal
N16 Perai : 012 - 339 3479	- Pn. Rajaletchumi	N37 Batu Maung : 013 - 510 1968	- Victor
N17 Bukit Tengah : 017 - 467 7668	- Lim Tuan Chun	N38 Bayan Lepas : 019 - 472 6956	- Latifah
N18 Bukit Tambun : 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong		- Asnah Bt Hashim
N19 Jawi : 017 - 408 4784	- Abdul Halim Yunus	N39 Pulau Betong : 019 - 570 9500	- Hj Md Tuah Ismail
N20 Sungai Bakap : 012 - 415 2905	- Munir Bin Makhtar	N40 Telok Bahang : 016 - 400 6462	- Halil Sabri
N21 Sungai Aceh : 012 - 473 5774	- Hj M. Kamil A.Bakar		

SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)

Nama	Telefon
En. Sim Chee Keong (DAP) stevensim@mpsp.gov.my	012-590 75 07
En. Teoh Seang Hooi (DAP) shteow@mpsp.gov.my	019-412 99 96 04-594 1231
En. Soon Lip Chee (DAP) lcsoon@mpsp.gov.my	012-4290 163
En. Visvanathan a/l Kumaran (DAP) visvanathan@mpsp.gov.my	012-477 6468 04-398 3242 (Tel) 04-502 1667 (Fax)
Cik Tan Xin Ying (DAP)	016 - 553 1987
En. Mohd Shaipol Bin Ismail (DAP)	012 - 571 2250
En. Guanalan a/l Sengalaney (DAP)	013 - 485 3128
En. Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chanderasekeran@mpsp.gov.my	012-5619870
En. Mohamad Zainudin bin Othman (PKR) mohamadzainudin@mpsp.gov.my	013-45 47 009
En. Ahmad Farid bin Md. Arshad (PKR) ahmadfarid@mpsp.gov.my	019-540 9396 04-3979796 (Fax)
En. Johari bin Kassim (PKR) johari@mpsp.gov.my	019-449 1450
Abdul Latif bin Abdullah (PKR) abdul_latif@mpsp.gov.my	019-560 57 55
En. Lim Eng Nam (PKR) peterlim@mpsp.gov.my	016-411 44 00 04-588 0818 (Tel) 04-588 0885 (Fax)
Puan Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shanmugam (PKR) kusala@mpsp.gov.my	019-54 63 257
En. Amir bin Md. Ghazali (PKR) amir@mpsp.gov.my	013-584 8386 04 - 521 1987 (Fax)
En. Ahmad Kaswan bin Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my	019- 408 4899
En. Lim Tau Hoong (NGO) thlim@mpsp.gov.my	019-446 35 51
Dr. Tiun Ling Ta (NGO) lttiun@mpsp.gov.my	013-430 2096 04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax)
En. Ahmad Tarmizi Bin Abdullah (NGO)	013 - 414 4822
En. Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my	012-4221133
En. Ong Koon Liak (DAP) klong@mpsp.gov.my	012-4277868 04-530 0363 (Tel) 04-538 6950 (Fax)
Puan Sarina binti Hashim (PKR) sarina@mpsp.gov.my	013-50 00 155
En. Md Jamil Bin Abd Rahman (PAS) mdjamil@mpsp.gov.my	019-4490007

SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)

Nama	Telefon
Zulkifli bin Mohd. Noor (DAP)	012 - 483 0878
Harvinder a/l Darshan Singh (DAP)	012 - 42822 50
Tay Leong Seng (DAP)	019 - 321 9392
Lim Siew Khim (DAP)	016 - 531 6026
Lim Cheng Hoe (DAP)	016 - 438 4809
Tan Hun Wooi (DAP)	012 - 488 0409
En. Ong Ah Teong (DAP)	012 - 410 6566
Ooi Keat Hin (PKR)	016 - 417 1331
Francis a/l Joseph (PKR)	012 - 474 3321
Cik Ramlah Bee Binti Asiahoo (PKR)	016 - 422 2142
En. Mohamed Yusoff Bin Mohamed Noor (PAS)	04 - 657 7464 (Tel) 012 - 472 8114
Encik Iszuree Bin Ibrahim (PAS)	016 - 443 3205
Sr. Mohd. Zahry bin Shaikh Abdul Rahim (NGO)	012 - 472 6725
Encik Teh Lai Heng (DAP)	016 - 445 9808
Encik Gooi Seong Kin (DAP)	016 - 457 1271
Encik Prem Anand a/l Loganathan (DAP)	012 - 412 2558
Encik Tan Seng Keat (PKR)	012 - 438 6191
Tuan Haji Mohd Rashid Bin Hasnon (PKR)	019 - 456 0077
Muhammad Sabri Bin Md Osman (PKR)	013 - 432 0207
Mohd Taufik Bin sulong (PKR)	012 - 438 0873
Tahir Jalaluddin Bin Hussain (NGO)	012 - 463 5959
Dr. Lim Mah Hui (NGO)	012 - 422 1880
Encik Sin Kok Siang (NGO)	016 - 422 2255
Ng Chek Siang (PKR) perisaihebat@gmail.com	016 - 470 7089

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:

YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:

CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
MOHD. HAFIZ TAJUDIN
AHMAD ADIL BIN MUHAMAD

Jurugrafik:

LOO MEI FERN
IDZHAM AHMAD

sertai kami melalui "sms blast",
taip "ADD ME" 019 357 9726

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.

Emel: suaracat@gmail.com

Talian Pejabat

04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256

Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Mac 2013

30hb -31hb Mac 2013
Penang World Music Festival
Quarry Park, Botanical Garden



Iklaneka

IKLANKAN BISNES
ANDA DI
Buletin Mutiara
www.buletinmutiara.com
<http://www.facebook.com/buletinmutiara>

Buletin Mutiara boleh
diperoleh di :

- Pejabat-pejabat ADUN
- Pejabat-pejabat Kerajaan Negeri
- Pejabat-pejabat PBA
- Bukit Bendera
- Pasaraya-pasaraya sekitar Pulau Pinang
- Hospital-hospital Kerajaan dan Swasta
- Pejabat-pejabat NGO
- Edaran rumah ke rumah

Hanya
**RM 18.75 /
RM 37.50
sebulan!**

Jenis Iklan	Saiz	Kos (sebulan, RM)
Satu Muka Surat	25sm(w) x 32sm(h)	15,000 (*)
Separuh Muka Surat (melintang)	25sm(w) x 16m(h)	7,500 (*)
Separuh Muka Surat (menegak)	12.5sm(w) x 32m(h)	7,500 (*)

Bagi Maklumat Lanjut, Sila Hubungi :

Shawal Ahmad:

04 - 650 5550, 04 - 650 5256, 012 - 424 9004

shawal@penang.gov.my atau shawal9004@gmail.com



SPEAKER Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain (berdiri, kanan sekali) berbual-bual dengan salah seorang usahawam pada Majlis Penyampaian Cek Pinjaman PTSR.



ADUN Jawi, Tan Beng Huat (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima sambil diperhatikan ADUN Sungai Bakap, Makhtar Shapee (tiga dari kanan) dan ADUN Bukit Tambun, Law Choo Kiang (kanan sekali) pada Majlis Perasmian Agenda Ekonomi Saksama SPS.



DUA pelancong menunjukkan aksi memegang ular bersempena Program Makanan Amal di Tokong Ular, Bayan Lepas.



KETUA Menteri dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy (duduk, empat dari kanan) bergambar bersama-sama wakil-wakil sekolah Tamil yang menerima bantuan tahunan daripada Kerajaan Negeri.





TIMBALAN Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman (berdiri, depan, dua dari kanan) bersama Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim (berdiri, kanan sekali) ketika hadir program bersama masyarakat berketurunan Siam di Penanti.



ATLIT bina badan wanita pertama Malaysia yang berjaya memenangi pingat Emas dalam kejohanan peringkat antarabangsa menunjukkan aksi beliau sambil memegang trofi kemenangannya.



PARA pemain pasukan Bola Sepak Pulau Pinang berjalan keluar ke padang bagi berentap dalam perlawanan Pusingan Kedua Piala FA di Stadium Bandaraya .



KETUA Menteri bersama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Majlis MPSP dan para penduduk bergambar kenang-kenangan sempena Majlis Meletak Papan Tanda Pembinaan Surau Flat Taman Ampang Jajar.

Buletin Mu



SEBAHAGIAN wakil yang hadir pada Majlis Penyampaian Bantuan Sekolah Agama Rakyat.

Buletin Muhara

YOUR VOICE MATTERS

Penilaian Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang
(The Evaluation of the Official Portal of The Penang State Government)

Kaji selidik ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan awam mengenai keberkesanan saluran penyampaian kerajaan negeri melalui Portal Rasmi Kerajaan Negeri dan mendapatkan pandangan/cadangan penambahbaikan.

<http://ebayar.penang.gov.my>

Pembayaran Bagi ...

- Cukai Tanah
- Pinjaman Penuntut
- Cukai Taksiran MPPP
- Cukai Taksiran MPSP

Logos: BANK ISLAM, Hong Leong Online Personal, eBank, RHB Now, CIMB Clicks, maybank2u.com, VISA, MasterCard.

GOVPG@15888
Perkhidmatan SMS Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Senarai Perkhidmatan Yang Ditawarkan:

- Semakan Status Rumah Kos Rendah
- Semakan Status Pinjaman Penuntut
- Semakan Status Baki Pinjaman Penuntut
- Semakan Status Pembayaran Kontraktor
- Semakan Status Pendaftaran Warga Emas
- Semakan Status Cukai Tanah

sila klik untuk maklumat lanjut

Permohonan, Semakan Rumah Kos Rendah, Sederhana Rendah & Projek Perumahan Rakyat (PPR)

<http://erumah.penang.gov.my>

Eze

Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Online Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Online Kerajaan Negeri Pulau Pinang

ePINTAS
Penang Information And Complaint System
<http://epintas.penang.gov.my>

Penang Information and Complaint System (ePINTAS) merupakan Gerbang Aduan Bersepadu Kerajaan Negeri yang membolehkan orang ramai membuat aduan, komen, teguran, cadangan dan pertanyakan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri.

Gerbang Aduan Bersepadu Kerajaan Negeri

JPS CARELINE
1 300 80 1010

Sebarang aduan tentang perkhidmatan JPS boleh disalurkan melalui JPS CARELINE 1-300-80-1010

Sistem Penghargaan Warga Emas

i-Sejahtera
<http://sejahtera.penang.gov.my>
warga emas miskin tegar

i-BiTA
SISTEM PERMOHONAN BANTUAN KE INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM
<http://ibita.penang.gov.my>

My Penang | My Workplace



www.penangcatcentre.my

Your Global Gateway to Careers in Penang



Tel: 604-250 2170
Fax: 604-250 2171

Hui Linn janji kembali berbakti kepada negeri

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN – Gadis berusia 21 tahun, Tan Hui Linn yang menjadi mangsa serangan asid oleh bapanya sendiri tiga tahun lalu berjanji akan pulang semula ke negeri Pulau Pinang dan berbakti di sini.

Beliau yang kini sedang melanjutkan pelajaran tahun kedua dalam bidang perakaunan di Kuala Lumpur berkata demikian ketika mengadakan lawatan ringkas terhadap Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di Komtar di sini baru-baru ini.

“Saya kini masih meneruskan hidup seperti manusia normal yang lain. Kecacatan

ini tidak mematahkan semangat saya. Malah, saya kini sedang melanjutkan pelajaran tahun kedua dalam bidang perakaunan di Kuala Lumpur.

“Saya berjanji akan pulang semula ke Pulau Pinang dan berbakti di sini. Terima kasih kepada semua yang mendoakan dan mengambil berat tentang saya,” ujarnya pada satu sidang media sejurus selepas lawatan tersebut.

Beliau yang turut ditemani abangnya Tan Jun Hong berkata, walaupun beliau mengalami kecacatan, namun ia sedikit pun tidak mematahkan semangatnya untuk berjaya.



TAN Hui Linn bersama abangnya, Tan Jun Hong ketika mengadakan lawatan ringkas ke Komtar di sini baru-baru ini.

Hui Linn, kini masih menjalani rawatan susulan bagi merawat kecederaan yang dialaminya.

“Saya masih memerlukan beberapa rawatan dan pembedahan susulan, tetapi, semuanya harus bergantung kepada cuti semester pengajian,” ujarnya.

Dalam pada itu, Guan Eng berkata, Hui Linn merupakan seorang yang cekal dan tabah menghadapi dugaan yang dialaminya.

“Kita bangga dengan beliau (Hui Linn) dan mengharapkan kepulangannya semula ke Pulau Pinang untuk berbakti di sini,” kata beliau.

Program amal untuk pesakit kanser dapat sambutan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

BAYAN BARU – Seramai 3,000 pengunjung dari dalam dan luar membanjiri penganjuran sulung program makanan amal di destinasi pelancongan terkemuka negeri, Tokong Ular di sini baru-baru ini.

Penganjuran tersebut adalah bertujuan memungut derma bagi pesakit kanser yang menerima rawatan di hospital swasta, Hospital Mount Miriam Tanjong Bunga di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir merasmikan program berkenaan berjanji akan meneruskan acara amal yang diadakan itu.

“Saya berjanji, mulai tahun hadapan, Kerajaan Negeri akan mengadakan acara ini setiap tahun. Ini semestinya jikalau kerajaan sekarang dikekalkan dan mendapat kepercayaan anda.

“Malah, seperti yang diketahui, ular merupakan reptilia yang istimewa kerana ianya akan menyalin



SEORANG kanak-kanak bermain dengan dadu gergasi bersempena penganjuran Program Makanan Amal di Tokong Ular baru-baru ini di sini.

kulit. Oleh itu, pada tahun ini juga saya berharap rakyat Malaysia dapat menerapkan semangat ular dengan ‘menyalin’ kerajaan baru yang lebih baik di Putrajaya,” ucapnya pada Majlis Pelancaran Program Makanan Amal di perkarangan Tokong Ular baru-baru ini di sini.

Sebanyak 30 syarikat termasuk multinasional mengambil bahagian dalam penganjuran yang turut mempersembahkan pelbagai tarian kebudayaan.

Guan Eng dalam pada itu turut meluangkan masa melawat kuil Hindu yang terletak di lokasi berhampiran.

ANTARA gerai makanan yang turut serta.



Jalan Siram bakal dinaiktaraf kepada 4 lorong

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

BUTTERWORTH – Hasil maklum balas awam, Kerajaan Negeri bakal melebarkan Jalan Siram yang menjadi laluan utama trafik dari dua lorong kepada empat lorong menjelang awal tahun 2014.

Pelebaran tersebut bakal membabitkan laluan sepanjang satu kilometer bermula dari susur keluar Lebuhraya *Butterworth - Kulim Expressway* (BKE) menuju Jalan Raja Uda di sini.

Malah, hasil tender terbuka, projek ini dijangka menelan belanja kurang dari RM3.5 juta untuk disempurnakan.

Ketua Penolong Pengarah Jalan, Jabatan Kerja Raya (JKR), Mohd. Hassan Harun berkata, kerja-kerja penaiktarafan tersebut akan dimulakan pada tahun 2014 ekoran ia melibatkan proses pengambilan tanah.

“Urusan pengambilan tanah memerlukan tempoh masa panjang

untuk diselesaikan.

“Disebabkan itu, projek ini kita sasarkan dapat dimulakan pada awal tahun 2014 kelak,” jelasnya pada sesi lawatan ke Jalan Siram di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng; Exco Kerjasama, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif dan Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud.

Dalam pada itu, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan menyatakan bahawa projek jalan yang bakal dilebarkan tidak akan menjejaskan kawasan perkuburan Hindu berhampiran, sebaliknya, hanya tanah dari seberang jalan yang bertentangan akan diambil.



JALAN Siram yang bakal dinaiktaraf kepada empat lorong.

Padang Awam Macallum dinaiktaraf

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) memperuntukkan kira-kira RM150,000 bagi menaiktaraf padang awam utama di Jalan Macallum II, Pengkalan Kota di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Lau Keng Ee baru-baru ini memberitahu, proses tender terbuka sedang dijalankan kini dan projek tersebut dijangka bermula tahun ini juga.

“Seluruh projek (naiktaraf) ini akan ditanggung oleh MPPP. Tender terbuka sedang dilakukan untuk memilih sebut harga terbaik dengan tawaran perkhidmatan berkualiti.

“Saya berharap projek ini berjalan lancar.

Projek (naiktaraf) ini diharap dapat dinikmati sebaik mungkin oleh warga setempat kelak,” ujarnya pada majlis sidang media yang diadakan di lokasi di sini baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Pengkalan Weld, S. Rajan dan Lim Poh Aun (Pengerusi JKKK Macallum) turut hadir dalam sidang media tersebut.

Keng Ee berkata, projek naiktaraf itu bakal membabitkan laluan pejalan kaki, pembinaan tempat duduk berlapis, penambahan pokok renek, pasu hiasan, kelengkapan senaman luar, penanaman pokok teduhan, penambakkan kawasan lopak, pembinaan pengadang bola serta memulihara kelengkapan rekreasi sedia ada.



KEADAAN Padang Awam Jalan Macallum II di sini yang bakal dinaiktaraf.

Dua unit CCTV di sekitar Lebuh Muntri/Lebuh Cinta



CHOW Kon Yeow (dua dari kanan) berbincang dengan Addnan Mohd. Razali (kiri sekali) pada sesi lawatan ke lokasi pemasangan CCTV di persimpangan Lebuh Muntri, Lorong Stewart, Lebuh Cinta di sini baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN - Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) memperuntukkan tambahan RM40,000 bagi tujuan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi-lokasi ‘panas’ seperti persimpangan Lebuh Muntri, Lorong Stewart, Lebuh Cinta rentetan laporan kejadian jenayah yang semakin kerap sejak kebelakangan ini di sini.

Lanjutan itu, sebanyak dua unit CCTV telah dipasang di sekitar lokasi berkenaan bagi membantu pihak berkuasa menangani kejadian jenayah dan memantau kawasan-kawasan tersebut dengan lebih berkesan.

Dengan penambahan tersebut, ia menjadikan jumlah keseluruhan CCTV yang dipasang seluruh pulau oleh MPPP adalah 36 unit. Baki 24 unit CCTV lagi adalah



PAPAN tanda yang dipasang di lokasi.

pemasangan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berharap dengan pemasangan CCTV terbabit dapat mengurangkan kejadian jenayah dan pada masa sama mewujudkan kesedaran umum untuk bersama membanteras insiden-insiden tidak diinginkan.

Dalam pada itu, Pengarah Kejuruteraan MPPP, Ir. Addnan Mohd. Razali yang turut hadir pada sesi lawatan tersebut menyatakan bahawa CCTV yang baru dipasang tersebut bakal dihubungkan kepada tiga pusat pemantauan berasingan bagi menjamin keberkesannya.

“Pusat-pusat pemantauan tersebut adalah Pejabat MPPP di Tingkat 13, Komtar, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut,” ujarnya di sini baru-baru ini.

Pameran Muzik Popular 1940-an hingga 1960-an gamit kenangan

MENGIMBAU... Pameran Muzik Popular Pulau Pinang era 1940-an, 1950-an dan 1960-an yang diadakan kali kedua bertempat di Muzium Negeri Pulau Pinang, Jalan Macalister telah meninggalkan kenangan yang cukup bermakna buat pencinta industri muzik era tersebut apabila kegemilangannya telah ‘dihidupkan’ semula di sini baru-baru ini.

Tidak ketinggalan mengunjungi dan merasmikan pameran tersebut ialah Tuan Yang Terutama Negeri (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Nostalgia era 1940-an, 1950-an dan 1960-an dikembalikan semula melalui

koleksi gambar, barangan peribadi, pertunjukkan filem, bengkel dan ceramah. Terdapat 11 bilik pameran disediakan oleh pihak penganjur, *The Capricorn Connection* dan *Think City*.

Penganjuran tersebut merupakan satu penghormatan kepada anak muzik tempatan (Pulau Pinang) yang tidak ternilai antaranya Tan Sri P. Ramlee, Ahmad Merican, Jommy Boyle, Joe Rozells, Datuk Ahmad Nawab, Robert Tan, Albert Yeoh dan lain-lain.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Wong Hon Wai, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Pengarah Muzium, Haryany Mohamad.



ABDUL Rahman Abbas (tiga dari kanan) dan Majimor Shariff (dua dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama wakil-wakil Kerajaan Negeri yang hadir pada Pameran Muzik Popular era 1940-an, 1950-an dan 1960-an di Muzium Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Penarafan 4 bintang kali ke-5 bagi PDC

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

BAYAN BARU - Hasil pengurusan kewangan yang baik dan efisien, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) berjaya memperoleh penarafan empat bintang oleh Jabatan Audit Negara bagi kali kelima berturut-turut baru-baru ini.

Pencapaian tersebut diumumkan sendiri Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merangkap Pengerusi badan itu sempena Sambutan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina PDC di sini baru-baru ini.

“Semenjak Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) memerintah Pulau Pinang dari tahun 2008, PDC berjaya mengekalkan kedudukan gred maksimum empat bintang sehingga tahun lalu.

“Ini adalah hasil usaha semua pihak di PDC yang

mengamalkan perbelanjaan bijak selaras prinsip Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT),” ucapnya di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, ADUN Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin, ADUN Komtar, Ng Wei Aik dan ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan.

Dalam pada itu, Guan Eng berharap prestasi tersebut dapat dikekalkan oleh semua kakitangan PDC.



SEBAHAGIAN tetamu yang hadir pada Sambutan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina PDC di sini baru-baru ini.

Intel Malaysia lebarkan sayap rasmi bangunan PG7

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

BAYAN LEPAS - Intel Malaysia dengan rasminya membuka bangunan baru PG7 di tapak sedia ada di Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas di sini baru-baru ini.

Menurut Pengarah Urusan Intel Malaysia, Robin Martin, adalah menjadi impiannya untuk membuka semula tapak bagi bangunan PG7 dengan pertambahan keluasan kepada 153,000 kaki persegi termasuk kafeteria baru.

“Bangunan PG7 juga mampu menampung jumlah pekerja sehingga 9,000 kakitangan iaitu 10 peratus daripada keseluruhan jumlah pekerja di Intel Malaysia.

“Malah, bangunan ini juga mesra alam sekitar dengan penggunaan bahan kitar semula sehingga 18,000 tan dalam pembinaan semula keseluruhan bangunan PG7.

“Jumlah tersebut menyamai 2,570 muatan lori pelupusan bahan terpakai yang diolah sepenuhnya untuk pembinaan bangunan PG7 ini,” katanya pada Majlis Pelancaran Bangunan Baru PG7 di sini baru-baru ini.

Majlis perasmian disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Tambah Martin, sejak 1972, Intel Malaysia sememangnya berhasrat untuk mengembangkan sayapnya dan menjadikan Malaysia negara ulung yang mempunyai bangunan korporat *Intel Corporation* terbesar di luar Amerika Syarikat.

Beliau memberitahu, bangunan PG7 mempunyai bilik persidangan bertaraf antarabangsa dan ruang inovasi yang efisien dalam menggalakkan budaya kerja yang produktif dan efektif.

Dalam pada itu, Pengurus Besar Perhubungan Korporat bagi Asia Pasifik, Alan Schijf berkata, bangunan PG7 memberi gambaran inovasi terkini yang membolehkan budaya kerja sihat diamalkan tanpa kekangan.

“Semestinya kami menjadikan PG7 sebagai ‘penginapan’ yang selesa terutamanya pekerja kami yang merantau jauh ke Malaysia.

“Sungguhpun pejabat korporat hanya mula wujud di sini pada tahun 2007, namun ia tidak menghalang Intel Malaysia untuk memberi yang terbaik termasuk teknologi terkini kepada umum,” ujar Schijf.

Guan Eng dalam ucapannya mengucapkan tahniah dan turut memuji budaya kerja dan kesungguhan Intel Malaysia dalam menjadi teraju utama inovasi perisian.

“Intel telah menunjukkan kesungguhannya dengan menubuhkan kilang pengoperasian berteknologi tinggi di Taman Teknologi Kulim dan juga Zon Perindustrian Bebas di Pulau Pinang.

“Hal ini telah menjadikan Intel sebagai sebuah

fasiliti terbesar pemasangan (*assembly*), pengujian (*test*) dan pembuatan (*manufacturing*) dalam penghasilan mikropemprosesan, cip, rangkaian pemprosesan dan papan induk (*motherboard*),” katanya.

Malah, Intel Malaysia turut membuktikan kemahirannya dalam merekacipta dan pembangunan reka bentuk dengan adanya pusat *Intel Architecture Group* (pusat reka cipta) di Pulau Pinang dan *Board Design Center* di Kulim.



SEBAHAGIAN kakitangan bangunan PG7 Intel Malaysia bergambar mesra dengan Ketua Menteri pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.



PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG

PERMINTAAN UNTUK CADANGAN

Tawaran ini dibuka kepada Penaja Projek yang terdiri daripada syarikat tempatan dan antarabangsa untuk menyertai **Permintaan untuk Cadangan (Request For Proposal - RFP)** seperti berikut:-

TAJUK : CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HAB PELANCONGAN PENDIDIKAN DI ATAS TANAH REZAB KERAJAAN NEGERI, LOT 705, SEKSYEN 1, BANDAR TANJUNG PINANG, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

TARIKH DIBUKA : 1 MAC 2013 (JUMAAT)

TARIKH DITUTUP : 31 MEI 2013 (JUMAAT)

Penaja Projek **DIGALAKKAN** menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak yang akan diadakan seperti berikut:

TARIKH : 20 MAC 2013 (RABU)

JAM : 10.00 PAGI

TEMPAT : LOT 705, SEKSYEN 1, BANDAR TANJUNG PINANG, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

(BERSEBELAHAN DENGAN TESCO, TANJUNG TOKONG)

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Puan Bharathi A/P Suppiah atau Puan Siti Hajar Binti Abdul Rahim di talian 04-6505554, 04-6505711 dan 04-6505679.

Car Boot Barter Trade 2.0 kembali!

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN - *Penang Green Council* (PGC) sekali lagi bakal melancarkan *Car Boot Barter Trade 2.0* bertempat di Juru Auto-City di sini berkonsepkan 'Sampah Anda, Harta Saya' pada 20 April ini bersempena sambutan Hari Bumi yang disambut setiap 22 April setiap tahun di seluruh dunia.

Program tersebut bakal menyediakan satu platform untuk para peserta menukar barangan terpakai seperti perkakasan rumah, permainan, buku, perkakas dapur, barangan hiasan dan lain-lain yang mana masih berkeadaan sempurna tetapi tidak diperlukan.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, objektif penganjuran program tersebut adalah bagi menggalakkan pengurangan sampah, penggunaan semula dan kitar semula

dalam kehidupan seharian di samping mendidik masyarakat mengenai konsep sampah sifar.

"Saya berharap dalam lima tahun lagi, sampah di Pulau Burung (tempat pelupusan sampah negeri) dapat dikurangkan dari sekilogram/seorang kepada hanya 0.72 kilogram/seorang.

"Lanjutan itu, ia juga akan dapat meningkatkan kadar kitar semula negara kita kepada 49 peratus pada 2018," katanya pada satu sidang media bagi mengumumkan penganjuran *Car Boot Barter Trade 2.0* di sini baru-baru ini.

Penganjuran tersebut adalah hasil kolaborasi dua pihak antara PGC bersama *Junior Chamber International JCI United* bakal menjadi acara terbesar seumpama ini di Pulau Pinang dengan sasaran penyertaan 200 buah kereta.

Borang penyertaan boleh didapati dari laman sesawang PGC www.pgc.com.my.



BARISAN penganjur bergambar bersama-sama Chow Kon Yeow (duduk, dua dari kanan) selepas sidang media selepas pengumuman program *Car Boot Barter Trade 2.0* di sini baru-baru ini.

com.my. Borang yang lengkap boleh diimbas dan emelkan kepada PGC di info@pgc.com.my atau fax ke 04 - 250 3323 bersama-sama resit bayaran.

Yuran penyertaan sebanyak RM35 bagi setiap sebuah kereta bakal dikenakan dan setiap peserta akan

mendapat sehelai baju-t dan *goody bag*.

Pendaftaran ditutup pada 31 Mac 2013. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Tan Yong Jen di talian 011 - 123 78945 atau PGC, 04 - 250 3321.



PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG

PERMINTAAN UNTUK CADANGAN

Tawaran ini dibuka kepada Penaja Projek yang terdiri daripada syarikat tempatan untuk menyertai Permintaan untuk Cadangan (Request For Proposal - RFP) seperti berikut:-

- TAJUK :** CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN TANAH KERAJAAN NEGERI PT 330, SANDILAND FORESHORE, JALAN C.Y. CHOY, SEKSYEN 11E, BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG
- TARIKH DIBUKA :** 15 JANUARI 2013 (SELASA)
- TARIKH DITUTUP :** 15 MAC 2013 (JUMAAT)

Penaja Projek **DIKEHENDAKI** menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak yang akan diadakan seperti berikut:

- TARIKH :** 31 JANUARI 2013 (KHAMIS)
- JAM :** 10.00 PAGI
- TEMPAT :** PT 330, SANDILAND FORESHORE, JALAN C.Y. CHOY, SEKSYEN 11E, BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di <http://www.penang.gov.my/> dan Sistem ePerolehan Negeri Pulau Pinang <http://ep.penang.gov.my/> mulai 15 Januari 2013.

Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan **Pengurusan Tanah Kerajaan Negeri PT 330, Sandiland Foreshore, Jalan C.Y. Choy, Seksyen 11E, Bandar George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang**. Cadangan lengkap tersebut hendaklah dihantar sebelum **12.00 tengah hari** pada **15 Mac 2013** kepada :

Sekretariat,
Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI),
Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang, Malaysia.

Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertinggi.

Daftar Insentif Inovasi Hijau P. Pinang sebelum 31 Mei

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Panduan permohonan paten dan pembayaran berjumlah sehingga RM200,000 setahun untuk memulakan perniagaan adalah antara faedah yang ditawarkan dalam skim tahunan Insentif Inovasi Hijau Pulau Pinang (PGII).

Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, skim tersebut boleh menjadi berdaya maju dan terpakai untuk menangani isu-isu degradasi, pencemaran alam sekitar serta mampu mengurangkan kesan jejak karbon (*carbon footprint*).

"Malah, skim tahunan ini menyediakan insentif wang tunai dan bantuan kepada inovasi yang tertunggak termasuk produk, teknologi dan proses inovasi yang komersial," katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Boon Poh yang juga merupakan Naib Pengerusi *Penang Green Council* (PGC), skim PGII adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia dalam menggalakkan inovasi sebagai penyelesaian kemampanan alam sekitar khususnya di Pulau Pinang.

Tambahnya, bagi yang berminat, mereka boleh mula membuat permohonan melalui laman sesawang PGC di <http://www.pgc.com.my/index.php/program-and-projects/>

penang-green-innovation-incentive.

"Pemohon boleh mengemukakan lebih dari satu permohonan tetapi dengan syarat produk, teknologi atau proses inovasi tidak boleh saling berkaitan.

"Permohonan insentif ini adalah percuma. Tarikh akhir permohonan adalah pada 31 Mei 2013," jelas beliau.

Dalam pada itu, menurut Pengurus Besar PGC, Thing Siew Shuen, penerima PGII bakal mendapat bimbingan mengenai permohonan paten, keusahawanan dan

kesediaan produk untuk komersial selain menerima dana permulaan RM50,000 serta dana permohonan paten sehingga RM50,000 lagi.

"Bagi memastikan dana PGII tidak disalahgunakan, adalah wajib setiap pihak untuk mempatenkan inovasi masing-masing.

"Permohonan akan dinilai mengikut kriteria-kriteria penilaian tertentu mengikut kategori-kategori yang telah digariskan," ujar beliau.

Antara kategori-kategori tersebut adalah nilai impak terhadap alam sekitar dan masyarakat, konsep inspirasi dan keunikan serta penyampaian implementasi dan ketersediaan.

Untuk maklumat lanjut, boleh hubungi PGC di talian 04 - 250 3321 atau emelkan ke info@pgc.com.my.



LOGO rasmi Insentif Inovasi Hijau Pulau Pinang

Suara wanita kesinambungan pembangunan negeri - Mansor

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

JAWI – Dalam setiap aspek pembangunan sama ada politik, sosial mahupun ekonomi, Kerajaan Negeri tidak mahu suara wanita ketinggalan, tegas Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman yang hadir merasmikan Suara Wanita Seberang Perai Selatan: Dialog Isu Wanita Setempat & Cadangan Pelan Tindakan Wanita di sini baru-baru ini.

Tambahnya, penyertaan rakyat dalam menyuarakan pandangan mempunyai impak ke atas kehidupan seharian dan suara wanita menjadi sebahagian daripada kesinambungan pembangunan negeri.

“Wanita harus menggunakan peluang ini untuk menyuarakan hasrat, idea dan pandangan mereka.

“Hal ini sekaligus mampu mengangkat

martabat wanita ke tahap yang lebih tinggi,” ucapnya pada majlis tersebut di sini baru-baru ini.

Mansor berkata, usaha yang dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) harus diteladani oleh semua pihak.

“Program PWDC dengan kerjasama Wanita Pakatan Rakyat khususnya di Seberang Perai Selatan (SPS) ini haruslah dijalankan secara menyeluruh bagi memastikan suara akar umbi dapat diambil kira dalam pembuatan keputusan.

“Tahniah kepada PWDC kerana mengambil inisiatif mengadakan dialog ini,” katanya.

Dialog isu wanita ini merupakan dialog kedua selepas penganjuran Suara Wanita Permatang Pauh pada 20 Januari lalu di Penanti, Seberang Perai Tengah (SPT).



SEBAHAGIAN peserta yang turut serta dalam program Suara Wanita SPS: Dialog Isu Wanita Setempat & Cadangan Pelan Tindakan Wanita di sini baru-baru ini.

Matlamat dialog adalah untuk menyampaikan maklumat tentang program-program Kerajaan Negeri yang bertujuan untuk memperkasai dan meningkatkan kapasiti wanita di Pulau Pinang.

Malah, pungutan suara wanita dalam sesi dialog tersebut adalah amat penting dalam proses perangkaan cadangan Pelan

Tindakan Wanita Setempat untuk SPS.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Sri Husnaini Sofjan, Ahli Lembaga Pengarah PWDC, K. Mangaleswary dan Pengurus Program Pemerkasaan dan Kepimpinan Wanita PWDC, Karen Lai serta wakil-wakil Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.

Kalender Sukan P. Pinang 2013 dirasmi

GEORGE TOWN –

Penerbitan Kalender Sukan Pulau Pinang 2013 bukan hanya memberi maklumat tentang acara sukan dan riadah dijalankan di dalam negeri, malah juga membolehkan orang ramai merancang percutian masing-masing.

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi

pada majlis pelancaran penerbitan tersebut di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, terdapat kira-kira 30 acara sukan dan riadah dari pelbagai sukan massa untuk semua lapisan masyarakat di dalam kalender yang diterbitkan.

“Acara-acara ini tidak termasuk acara ‘ad hoc’ yang akan dijalankan dari semasa ke semasa,” katanya.

Penerbitan kalender yang bertemakan klasik ini merupakan penerbitan kali keempat. Kalender Sukan Pulau Pinang mula diterbitkan pada tahun 2010 dengan pelbagai jenis acara sukan tersenarai antaranya sukan berbasikal dan ‘skimboarding’.

Tambah Kok Fooi, pada setiap keluaran, pihaknya menampilkan tema berlainan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam mempromosikan gaya hidup sihat dan sukan di Pulau Pinang.

“Antaranya sukan massa melibatkan kembara denai, berbasikal, senamrobik dan



CONTOH terbitan Kalender Sukan Pulau Pinang 2013.

riadah,” ucap Kok Fooi yang turut berterima kasih kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) yang banyak membantu Kerajaan Negeri dalam merealisasikan penganjuran sukan di Pulau Pinang.

Dalam pada itu, jelas beliau, dua program bina badan dan satu pertandingan angkat berat peringkat Komanwel juga bakal dianjurkan di sini.

“Ini menunjukkan Pulau Pinang mampu menjadi pilihan untuk penganjuran sukan berprestij dengan fasiliti dan logistik yang ada di sini.

“Saya berharap kerjasama semua pihak dapat diteruskan lagi bagi memastikan kita sama-sama dapat menjana kecemerlangan sukan dan membudayakan amalan gaya hidup sihat di negeri ini,” ujar Kok Fooi.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila layari laman sesawang MSNPP di <http://msnpenang.wordpress.com> atau hubungi MSNPP di talian 04 - 659 3713/3714/3715.



DR. G.P. Doraisamy (lima dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama atlet-atlet Taekwondo yang bakal berentap dalam Senior and Junior Taekwondo Championship Circuit 1.

1,000 atlit bakal berentap dalam kejohanan Taekwondo

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

PANTAI JEREJAK - Setelah 25 tahun, Pulau Pinang kini bakal menjadi tuan rumah *Senior and Junior Taekwondo Championship Circuit 1* pada 21 hingga 24 Mac bertempat di DOME Komtar di sini.

Acara peringkat kebangsaan tersebut adalah terbuka bagi pesatuan yang bernaung di bawah *World Taekwondo Federation* (WTF) yang bakal memperlihatkan penyertaan 13 buah negeri, 20 kelab ternama dengan jumlah keseluruhan 1,000 atlit.

Menurut Ahli Lembaga Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Dr. G.P. Doraisamy yang mewakili Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi, sebanyak enam kategori bakal

dipertandingkan dalam kejohanan terbabit.

“Ini termasuk, Lelaki Super Junior (10 hingga 13 tahun), Perempuan Super Junior (10 hingga 13 tahun), Junior Lelaki dan Junior Wanita (14 hingga 17 tahun) dan kategori Terbuka Lelaki dan Wanita (16 tahun ke atas).

“Bersempena itu, Pulau Pinang bakal menghantar sejumlah 56 atlit dan bertanding bagi kesemua kategori yang disebutkan tadi,” katanya pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Doraisamy dalam pada itu berharap atlit negeri akan menjadikan penganjuran tersebut sebagai satu inspirasi untuk menaikkan skil dan bakat masing-masing dalam sukan Taekwondo.

“Umumnya, pertandingan ini dapat dijadikan kayu pengukur kepada atlit negeri bagi mengukur prestasi masing-masing setanding tahap kebangsaan,” ujar beliau.



'RAKIT' yang digunakan untuk ke sangkar ikan.



KEADAAN sangkar ikan siakap putih air tawar milik AWANG Kecil Yahya di Sungai Muda.

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar: **IDZHAM AHMAD**

Tidak putus asa walaupun rugi - Awang

WALAUPUN mengalami kerugian hasil pelaburan modal bernilai RM30,000, faktor tersebut tidak pernah mematahkan semangat bapa kepada lapan cahaya mata, Awang Kecil Yahya, 40, untuk terus berkecimpung dalam perusahaan penternakan ikan siakap putih air tawar di Sungai Muda, Kampung Rantau Panjang, Penaga, Seberang Perai Utara (SPU).

Sepanjang lapan tahun penglibatan beliau dalam perusahaan tersebut, hanya setahun hasil ternakan membuahkan hasil pulangan

ekoran kesan daripada Projek Tebatan Banjir (RTB) Sungai Muda di sini.

Menurut Awang, selain kerosakan sangkar, keadaan air yang kotor kesan daripada projek berkenaan menyebabkan ikan-ikan ternakan mati pada

usia muda.

"Pada tahun pertama tuaian iaitu sebelum pelaksanaan projek RTB, saya berjaya memperoleh pulangan sebanyak RM20,000.

"Namun, selepas itu, saya mengalami kerugian dan jumlah sangkar ikan yang padanya asalnya berjumlah 12 sangkar (satu sangkar 12 petak) terpaksa dikurangkan bagi mengurangkan kos penyelenggaraan," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Ketika ditanya sebab beliau ingin meneruskan perusahaan tersebut, Awang menyatakan bahawa beliau melihat bidang tersebut mempunyai potensi yang luas untuk berkembang dan permintaan terhadap jenis spesis siakap putih air tawar adalah amat tinggi berbanding lain-lain ikan.

Selain itu, beliau turut menyatakan bahawa hasil usaha keras, terdapat dalam kalangan rakan-rakannya yang berjaya mengatasi permasalahan dihadapi.

Menceritakan penglibatan awalnya, Awang menyatakan bahawa beliau sebelum ini merupakan pemandu van kilang sepenuh masa.

Apabila mengetahui potensi perusahaan ikan siakap putih air tawar, beliau mengusahakannya secara

sambilan sehingga betul-betul komited dan berkecimpung sepenuh masa.


Walaupun malang tidak berbau, Awang bersama anak saudaranya, Mohd. Nazlan Ahmad, 24, tetap komited menghadapi cabaran harian untuk muncul sebagai salah seorang pengusaha berjaya di negeri ini.

Jelas Awang, selain RTB, cabaran yang dihadapinya adalah masalah kecurian ikan sehingga menyebabkan beliau terpaksa membina sebuah pondok terapung bagi mengurangkan permasalahan tersebut.

"Selain itu, kami juga menghadapi masalah serangan binatang seperti biawak, memerang dan burung helang yang bertindak merosakkan sangkar tanpa mengira waktu," jelasnya sambil menyatakan bahawa hasil tuaian ternakan adalah setahun sekali sahaja.

Dalam pada itu, Awang turut menyatakan bahawa benih ikan yang diperoleh juga perlu diperiksa dengan teliti kerana terdapat benih ikan dari spesis sama yang tidak tahan dengan air tawar.

"Menjelang musim hujan pada bulan Ogos hingga September pula, kami berhadapan dengan risiko arus deras sehingga menyebabkan sangkar-sangkar ikan dihanyutkan," tambah Awang yang berharap dapat memperoleh hasil daripada



MOHD. Nazlan Ahmad menunjukkan ikan ternakan beliau.

ternakan yang dilaburkannya kini.

Jelasnya, pasaran ikan siakap putih air tawar adalah lebih tinggi berbanding yang lain termasuk talapia, siakap hitam serta masin.

Ini kerana, isi ikan siakap putih air tawar yang berwarna putih ketika berada di daratan adalah lebih gebu dan tidak berbau berbanding siakap air masin (berwarna hitam).

Sementara itu, Awang yang kini menjalankan jualan kecil-kecilan bagi menampung perbelanjaan keluarga berharap terdapat pihak yang tampil membantu perusahaannya sementara menunggu tempoh tamat projek RTB yang banyak memberi kesan negatif kepada perusahaan beliau di sini.

"Walaupun bagaimanapun, saya tidak akan berputus asa dan mengharap yang terbaik," jawabnya sambil tersenyum.

INFO :

Awang : 013 - 404 1271
Mohd. Nazlan : 016 - 534 4856 / 012 - 519 3360



AWANG Kecil Yahya.

Manzoor cuti tanpa gaji demi FAP

BERMAIN bola sepak untuk pasukan Pulau Pinang sejak berusia 12 tahun, namanya terus meniti di bibir peminat sukan berprestij itu.

Namanya mula menjadi bintang sejak di bangku Sekolah Kebangsaan Stowel, Sekolah Tinggi Bukit Mertajam dan Sekolah Menengah 'Sukan' Guar Perahu.

Selain FAP, beliau pernah bermain untuk pasukan bola sepak negeri Perlis, Kedah dan Telekom dan sebagainya.

Selebriti yang dimaksudkan Manzoor Azwira Abdul Wahid, 37, bekas pemain Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) yang mengumumkan untuk bersara dari arena sukan itu pada usia 33 tahun kembali ke pasukan tersebut bermula bulan Disember tahun lepas.

Manzoor, anak kelahiran Pulau Pinang kini kembali sebagai Pembantu Jurulatih FAP.

"Semasa umur saya 20 tahun, dalam tahun 1996, saya mula bermain untuk Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) dalam Liga M.

"Tiga tahun saya melatih pasukan bola di USM (Universiti Sains Malaysia) sebelum diminta menyertai FAP kembali (bagi) membantu Merzagua Abderrazak (Ketua Jurulatih FAP)," ujar beliau dalam satu wawancara bersama-sama wartawan Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini.

Manzoor Azwira berkata, tiada apa-apa rahsia di sebalik kejayaan FAP menang empat perlawanan berturut-turut baru-baru ini hingga melayakkan pasukan negeri berada di tangga teratas Liga-M.

Menurut beliau, FAP masih mempunyai kira-kira 16 perlawanan lagi.

"Pemain perlu ada disiplin yang tinggi. Makan perlu jaga kalau nak badan yang 'tahan'. Tidur, kalau tak cukup, mudah cedera dalam perlawanan.

"Pemain yang lewat turun latihan di padang, akan didenda (berupa) wang RM10 atau RM20. Ketegasan dan toleransi perlu semasa latihan untuk (memupuk) budaya berpasukan.

"Baru empat bulan saya menyertai FAP dan baru empat perlawanan FAP menang, masih terlalu awal untuk kita kata ini kejayaan," ujar Manzoor Azwira.

Demi FAP, Manzoor Azwira sanggup mengambil cuti tanpa gaji di Universiti Sains Malaysia (USM).

"Kira, saya dipanggil membantu Merzagua dalam FAP," ujar beliau.



MANZOOR Azwira Abdul Wahid.

Bersama Merzagua, katanya, beliau sangat komited untuk melonjak FAP ke Liga Perdana pada musim ini.

FAP, PULAU PINANG PBAPP

Manzoor Azwira berkata, kelahiran 'adik' seperti Persatuan Bola Sepak PBAPP Pulau Pinang sebenarnya sihat bagi FAP.

"Kalau ada persaingan, baru lahir kualiti. Bagi saya, ini positif.

"Dalam diri pemain sendiri ada persaingan kerana seseorang itu kalau tak jadi 'terbaik' di padang, bila-bila masa akan digugurkan.

"Sebagai Pembantu Jurulatih kepada Merzagua, fokus saya pun adalah memastikan FAP melakukan persembahan terbaik pada setiap kali perlawanan," jelasnya.



AKSI Manzoor Azwira Abdul Wahid ketika di padang.

ASAM GARAM

Manzoor Azwira memberitahu, menjadi pembantu jurulatih FAP tidak sunyi daripada kritikan para peminatnya.

"FAP pernah berada di tangga tercorot liga. Tak hairan lah jika FAP seringkali menerima kritikan banyak pihak.

"Bagi saya, kritikan itu kerana peminat mahu FAP melakukan persembahan lebih baik di padang. Itu, positif lah.

"Sekarang, Alhamdulillah. Makin ramai penyokong FAP pada setiap kali perlawanan. Stadium pun makin penuh, tidak seperti dulu.

"Menang empat perlawanan sekarang sebenarnya boleh dikatakan pengalaman manis saya. Pokok pangkalnya, manis pahit pengalaman ini macam asam garam," jelasnya.

PRINSIP HIDUP

Di padang, Manzoor Azwira dikenali sebagai seorang yang begitu cakna dengan kewajipan beragama.

Beliau disebut-sebut selalu mengingatkan para pemain di bawah seliaannya supaya solat dalam waktunya.

Beliau juga boleh dikatakan seorang pemain yang cakna dalam soal aurat di padang.

"Itu tanggungjawab kita dengan Tuhan dan persahabatan kita dengan kawan-kawan sepasukan.

"Prinsip hidup saya mudah, bersemangat dalam melakukan apa jua amanah yang diberikan. Macam sekarang, saya semangat lah nak membantu Merzagua membawa FAP agak lebih baik.

"Satu lagi, kena disiplin. Disiplin, maksudnya disiplin di padang dan disiplin dalam apa juga kerja buat kita termasuk dalam keluarga serta kerjaya kita," kata beliau.

Para pemain di bawah seliaannya dikatakan sangat menyantuni pembantu jurulatih muda itu sebabkan perwatakannya yang sederhana serta 'Islamis'.

HARAPAN

Manzoor Azwira berkata, sokongan tidak putus-putus peminat kepada FAP adalah tumbu semangat untuk melonjak kemenangan pasukan negeri.

Beliau berharap, FAP mampu mengulangi zaman keemasannya kelak.

"Ini mungkin permulaan bagi FAP. Perjalanan FAP masih jauh. Dengan sokongan Kerajaan Negeri, FAP boleh pergi lebih jauh, Insya Allah," ujarnya.

MPSP cari RM12 juta sumber pendapatan baru 2013

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

BUKIT MERTAJAM - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan mencari sumber pendapatan baru berjumlah RM12 juta lagi bagi menampung belanjawan defisit dalam Bajet MPSP 2013 yang dianggarkan RM10,348,214.

Yang Dipertuanya, Maimunah Mohd. Sharif berkata, cukai kadaran yang dikenakan ke atas bangunan-bangunan baru, caj papan iklan dan talian paip gas Petronas antara sumber pendapatan baru yang menjadi fokus majlis bagi tahun ini.

“Melalui bajet yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri, anggaran pendapatan

MPSP berjumlah RM200,935,630 dan perbelanjaan berjumlah RM211,283,844.

“MPSP perlu merangka strategi supaya kedudukan kewangan MPSP sentiasa mampan,” ujar beliau baru-baru ini sempena Perhimpunan Korporat di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda, di sini.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan Syed Mikael Rizal Aidid (Ahli Majlis baru) turut hadir dalam majlis rasmi itu.

Maimunah berkata, hasil juga akan ditingkatkan melalui pengurusan harta Majlis seperti sewaan-sewaan baru, semakan sewa, jualan dan pelupusan.

Malah, katanya, hasil tambahan juga akan ditingkatkan melalui penjualan



SUASANA Perhimpunan Korporat MPSP di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda, di sini baru-baru ini.

aplikasi komputer dan perkhidmatan data.

“Penambahan hasil bukan cukai sebanyak RM5 juta akan diperoleh melalui caj *rezoning/development* dan caj-caj yang lebih kompetitif untuk lesen dan sewaan,” ujar beliau di depan lebih 100 warga kerja MPSP.

Berucap dalam majlis rasmi yang diadakan empat bulan sekali itu, Maimunah turut menjelaskan semula mengenai ‘7 Fokus MPSP 2013’ melalui 37 program dan 87 aktiviti yang merupakan kesinambungan

‘Fokus 2012’.

‘7 Fokus MPSP 2013’ yang dimaksudkan adalah:

1. Persekitaran Bersih
2. Mitigasi Banjir
3. Penyertaan dan Kesejahteraan Komuniti
4. Pengindahan dan Penghijauan
5. Penguatkuasaan Bersepadu
6. Penguatkuasaan Keupayaan Kewangan
7. Pembinaan Kapasiti

Dialog karnival memanfaatkan pesawah



PENGARAH Jabatan Pertanian Negeri, Ahmad Munir Yusoff (dua dari kiri) menyampaikan cenderamata kepada wakil kelompok pesawah Telok Air Tawar sambil diperhatikan Law Choo Kiang (kiri sekali), Syed Mikael Rizal Aidid (tiga dari kiri) dan Salehin Mohamad (empat dari kiri) pada penganjuran Karnival Bersih Hijau di sini baru-baru ini.

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

TELOK AIR TAWAR - Bagi memberi fokus kepada penyelesaian masalah penduduk dan penyampaian informasi berhubung aspek penanaman padi, sebuah Karnival Bersih Hijau telah diadakan di Permatang To’ Gelam di sini baru-baru ini.

Karnival tersebut dianjurkan dengan kerjasama Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Syed Mikael Rizal Aidid, Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Telok Air Tawar, Salehin Mohamad dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Permatang Binjai.

Antara aktiviti tumpuan adalah bengkel menangani penyakit Karah Padi,

demonstrasi rawatan benih padi dan sesi dialog khas antara aktivis Institut Peduli Rakyat, Datuk Seri Abdul Rahman Maidin dan 100 pesawah tempatan.

Aktiviti-aktiviti lain yang turut dijalankan adalah pertandingan gubahan khas kaum ibu, pertandingan mewarna kanak-kanak, sesi perkongsian isu generasi muda daripada Adam Adli, serta persembahan nyanyian penduduk setempat.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Luar Bandar & Tebatan Banjir, Law Choo Kiang ketika merasmikan karnival tersebut berkata, penganjuran aktiviti berbentuk komunikasi dua hala seperti karnival tersebut harus diperbanyakkan dalam mewujudkan persekitaran yang harmoni.

Gotong-royong realisasi Seberang Perai Indah & Bersih

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

JAWI - Bagi merealisasikan misi Seberang Perai indah dan bersih, buat julung kali, satu aktiviti gotong-royong diadakan di Taman Desa Jawi di sini baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Indah Dan Bersih Seberang Perai Selatan, Teoh Seang Hooi berkata, penganjuran aktiviti berkenaan turut membabitkan Rukun Tetangga Taman Desa Jawi dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

“Lokasi pembersihan antaranya meliputi kawasan longkang, pemotongan rumput, dahan pokok serta pembersihan sampah di kawasan sekitar.

“Malah, pembekalan jentera serta peralatan pemangkasan oleh pihak

MPSP turut melancarkan penganjuran program berkenaan,” katanya di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Seang Hooi merakamkan penghargaan kepada semua kakitangan MPSP dan penduduk taman yang telah memberikan kerjasama penuh serta menunjukkan semangat permuafakatan yang tinggi.

“Kegiatan gotong-royong harus dipergiatkan secara menyeluruh dan dijalankan dengan lebih kerap.

“Melalui aktiviti ini, bukan sahaja persekitaran menjadi bersih, bahkan mempererat lagi kemesraan serta perpaduan dalam kalangan penduduk setempat dan pihak berkuasa tempatan (PBT),” ujarinya yang juga merupakan Ahli Majlis MPSP.



TEOH Seang Hooi (empat dari kanan) bersama-sama penduduk dan kakitangan MPSP yang turut serta dalam program gotong-royong Taman Desa Jawi di sini baru-baru ini.

Paintball rancak aktiviti sukan negeri

GEORGE TOWN – Sebanyak 14 pasukan berentap pada Kejohanan Paintball Piala Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang bagi merebut hadiah wang tunai berjumlah RM6,500 di Padang Polo, Jalan Sepoy Lines baru-baru ini di sini.

Penganjuran kali kedua tersebut berjaya menarik minat bukan sahaja pemain tempatan, malah juga pasukan dari Selangor, Pahang, Kedah dan Perak.

Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran

Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail berkata, MPPP telah merangka 27 acara sepanjang tahun 2013 bagi merencanakan aktiviti sukan dan rekreasi negeri Pulau Pinang.

“Penganjuran ini adalah bagi mengaktifkan sukan paintball sebagai satu usaha menjadikan negeri ini destinasi utama bagi para pemain menunjukkan skil serta kepakaran masing-masing.

“Malah, acara-acara yang dirancang juga

dilihat dapat menarik minat pelancong dari dalam dan luar negara,” ujarnya pada ucapan Kejohanan Paintball Piala Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang di Padang Polo baru-baru ini di sini.

Kejohanan yang berlangsung selama dua hari tersebut turut menawarkan hadiah trofi, medal, hamper dan barangan permainan paintball,

Hadir sama Ahli Majlis, Tahir Jalaluddin Hussain, Muhammad Sabri Md. Osman dan Presiden Kelab Sukan MPPP, Mohamed Hassan Othuman.



SALAH sebuah pasukan bergambar kenangan bersama-sama Patahiyah Ismail (bertudung) selepas Kejohanan Paintball Piala Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang di Padang Polo baru-baru ini.

Kolam keluarga di Taman Metropolitan Relau



PATAHIYAH Ismail (bertudung kelabu) menyaksikan gelagat kanak-kanak yang sedang berenang sejurus Majlis Perasmian Kolam Rekreasi Berkeluarga Taman Metropolitan Relau di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

PAYA TERUBONG - Taman Metropolitan Relau kini diberi nafas baru dengan terbinanya sebuah kolam rekreasi berkeluarga sebagai salah satu usaha mengaktifkan lokasi rekreasi tersebut sebagai antara yang terbaik dalam negara baru-baru ini.

Yang DiPertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail berkata, MPPP akan meneruskan usaha untuk mengaktifkan Taman Metropolitan Relau sebagai satu lagi Taman Awam dan Rekreasi terbaik di Malaysia selain Taman Perbandaran di sini.

“Bagi merealisasikan matlamat Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat, projek penghijauan juga sedang dan akan dijalankan melibatkan Jalan Datok Keramat, penghijauan Taman Maccalum, penghijauan Taman Farlim, penghijauan Taman Perbandaran, penghijauan Nurse Walk dan

terbaru adalah penghijauan *Pocket Park* di Jalan Irawadi di sini.

“Inisiatif ini juga adalah sejajar dengan kehendak masyarakat yang sememangnya mahukan aktiviti riadah dan rekreasi bersama keluarga yang berkualiti,” katanya pada Majlis Pelancaran Kolam Rekreasi Berkeluarga Taman Metropolitan Relau di sini baru-baru ini.

Kolam bernilai RM180 000 berkeluasan 40 kaki x 20 kaki dan berkedalaman tiga kaki.

Sejurus selepas perasmian, Patahiyah turut berkenan menanam sebatang pokok ‘*messua ferrea*’ ataupun nama tempatannya Penaga Lilin bersebelahan lokasi kolam tersebut.

Patahiyah dalam pada itu turut melahirkan keyakinan bahawa gandingan mantap antara masyarakat dan MPPP manpu dijadikan contoh terbaik negara dalam mengaktifkan semua taman awam yang terdapat di Pulau Pinang.

Air Terjun Titi Kerawang dinaiktaraf

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

TELUK BAHANG – Atas inisiatif mengekalkan khazanah alam semulajadi dan satu-satunya air terjun semulajadi yang masih wujud di bahagian pulau, Air Terjun Titi Kerawang, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) komited meluluskan peruntukan tahunan RM20,000 bagi tujuan penaiktarafannya di sini.

Ahli Majlis MPPP, Mohd. Taufik Sulong berkata, jumlah peruntukan tersebut adalah bagi memberi nafas baru kepada air terjun yang menjadi lokasi singgahan penduduk tempatan mahupun pelancong antarabangsa.

“Sayang, air terjun ini dulunya menjadi bualan penduduk tempatan. Tapi, kini bukan lagi menjadi lokasi perkemahan gara-gara kebersihan tak dijaga dan sampah sarap yang menimbun.

“Untuk mengekalkan status air terjun ini sebagai daya penarik produk pelancongan negeri, MPPP mengambil langkah drastik dengan mengadakan gotong-royong perdana melibatkan kerjasama pembersihan, pemangkasan pokok, penyusunan semula batu-batu, mewujudkan laluan trek pejalan kaki yang sempurna dan papan tanda arah laluan trek,” ujarnya kepada wakil Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain dan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan



AIR Terjun Titi Kerawang yang masih memiliki daya tarikan tersendiri.

Undangan Negeri (KADUN) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid.

Menurutnya, terdapat beberapa fasa yang akan dijalankan oleh MPPP dengan kerjasama Jabatan Kemasyarakatan MPPP, Jabatan Rekreasi, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Pinang bagi menaiktaraf dan mengindahkan kawasan sekitar air terjun tersebut.

Taufik dalam pada itu turut memohon Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) supaya turut serta dalam program berkenaan terutamanya sumbangan pada faktor kewangan.

“Ini adalah tanah milik PBA, MPPP hanya sekadar membantu untuk mengindahkan semula kawasan air terjun semulajadi ini agar ia tidak dilupakan begitu saja,” katanya.



ASNAH Hashim (kanan) menyampaikan sekampit beras kepada salah seorang penerima bantuan beras di sini baru-baru ini.

Pelajar cemerlang terima penghargaan

Oleh: **AINUL
WARDAH SOHILLI**

DATOK KERAMAT

– Seramai 120 pelajar cemerlang diraikan dalam Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2012 di sini baru-baru ini.

Majlis yang disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo dianjurkan oleh pejabat pusat khidmat beliau dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Dodol.

Dalam ucapan perasmiannya, Jagdeep berharap agar para pelajar dapat memanfaatkan dengan sebaik mungkin peluang pendidikan yang sedia ada.

“Belajarlh rajin-rajin dan usaha segigihnya untuk memperoleh keputusan cemerlang demi masa hadapan yang lebih terjamin.

“Tahniah kepada semua pelajar dan ibu bapa yang menjadi pemangkin terhadap kejayaan anak-anak



JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali) menyampaikan sijil penghargaan dan hamper kepada salah seorang penerima pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang UPSR dan PMR 2012 di sini baru-baru ini.

mereka,” ucapnya di sini baru-baru ini.

Dalam majlis sama, Jagdeep turut menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah mengadakan Program Pelajar Emas bagi membantu pelajar Tahun 1, Tahun 4, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 terutama golongan ibu bapa dalam menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak masing-masing.

Setiap pelajar menerima sijil penghargaan dan sumbangan merupakan hamper makanan asasi.

PPK santuni penduduk

BAYAN LEPAS – Bagi Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bayan Lepas, Asnah Hashim, menyantuni masyarakat setempat bukanlah sesuatu bebanan, sebaliknya amanat yang perlu dilaksanakan.

Justeru, katanya, setiap minggu, jawatankuasa Pusat Khidmat PPK Bayan Lepas akan bergerak dari satu kampung ke satu kampung bagi menyantuni dan menyampaikan sumbangan beras.

“Selain itu, secara mingguan juga kita akan mendengar permasalahan masyarakat setempat dan sedayanya

membantu mereka,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Dalam sesi lawatan baru-baru ini, Asnah telah melawat warga emas dan golongan uzur selain golongan fakir miskin yang memerlukan bantuan.

Selain itu, Asnah bersama jawatankuasa Pusat Khidmat turut mengadakan lawatan ke 11 buah rumah fakir miskin yang memerlukan bantuan membaiki bumbung rumah dan rumah usang di sekitar sini.

“Ia (lawatan mingguan) adalah sebahagian inisiatif untuk mendekati masyarakat setempat di samping membantu golongan yang memerlukan bantuan,” ujar Asnah.



ROSIDI Hussain.

Padang bola sepak untuk anak muda Rantau Panjang

PENAGA – Atas inisiatif khas Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga, Rosidi Hussain, penduduk sekitar Rantau Panjang di sini bakal memperoleh sebuah padang bola sepak baharu.

Rosidi berkata, perkara tersebut bagaimanapun masih di peringkat cadangan kerana pihaknya sedang memantau lokasi strategik bagi tujuan berkenaan.

“Saya percaya cadangan ini akan diterima secara positif oleh anak-anak muda di Penaga umumnya,” katanya ketika mengadakan lawatan ke tapak cadangan pembinaan padang bola sepak di sini baru-baru ini.

Turut serta, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kota Aur, Mohammad Subhi.

Tambah Rosidi, cadangan pembinaan padang bola sepak tersebut adalah untuk memberi peluang kepada anak-anak muda menjalani aktiviti sukan yang menyihatkan.

“Sekiranya jadi, anak-anak muda Rantau Panjang akan mempunyai padang bola sepak yang selesa dan luas,” ujarnya.

Program MySihat budayakan gaya hidup sihat

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

PULAU BETONG – Menyedari akan kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat, Pejabat Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong telah memperkenalkan Program MySihat Kampung Titi Teras di sini baru-baru ini.

Program hasil kerjasama sukarelawan penduduk Kampung Titi Teras berkenaan merupakan julung kali diadakan bagi tahun ini.

Menurut PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail, program tersebut bukan sahaja mampu mempromosikan gaya hidup sihat, malah, mampu mengeratkan silaturrahim sesama penduduk Kampung Titi Teras di sini.

“Antara tujuan program ini adalah untuk memastikan setiap lapisan masyarakat berpeluang melibatkan diri dalam aktiviti kecergasan badan dan kecerdasan minda.

“Malah, dalam program ini juga kita memperkenalkan sasaran 10,000 langkah sehari bagi membendung dan mengurangkan



MOHD. Tuah Ismail (kiri) menjalani pemeriksaan tekanan darah dalam program anjurannya.

risiko penyakit jantung, diabetes, osteoporosis dan paras kolesterol dalam darah,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Tambahnya, penglibatan bersama secara aktif oleh semua pihak dalam menjayakan program tersebut turut membuktikan sokongan dan komitmen penduduk Kampung Titi Teras dalam usaha membudayakan gaya hidup cergas, sihat dan cerdas.

Selain acara berjalan kaki 10,000 langkah (kira-kira lapan kilometer), peserta program turut terlibat dengan pelbagai acara antaranya senamrobik, pertandingan merekacipta Lego, permainan interaktif, pemeriksaan tekanan darah, paras gula dalam darah, peratusan lemak dalam badan dan ‘*pap smear*’.



SALAH seorang peserta sedang menjalani saringan kesihatan pada Program MySihat Kampung Titi Teras di sini baru-baru ini.

50 terima sumbangan



SEBAHAGIAN penerima sumbangan di Permatang Tok Bidan di sini baru-baru ini.

SUNGAI DUA – Seramai 50 ibu tunggal dan fakir miskin di Permatang Tok Bidan menerima sumbangan berupakan hamper di sini baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Sungai Dua, Zahadi Mohamad berkata, pemberian sumbangan tersebut adalah bertujuan meringankan beban golongan ibu tunggal dan fakir miskin.

Dalam ucapannya, Zahadi berkata, penyampaian sumbangan itu

menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap mereka yang memerlukan.

“Selain hamper makanan asas, para penerima juga menerima sumbangan wang tunai bernilai RM30 setiap seorang,” kata Zahadi di sini baru-baru ini.

Majlis penyampaian sumbangan disempurnakan Zahadi dan Ketua Muslimat PAS kawasan Tasek Gelugor, Tuan Bedah Tuan Syed Mohamad.



MUHASDEY Muhamad (dua dari kanan) dan Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (kanan sekali) ketika menyantuni penduduk Kampung Kepala Tidur di sini baru-baru ini.

PPK dekati masyarakat setempat

PINANG TUNGGAL – Hampir 30 orang terdiri daripada jawatankuasa Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pinang Tunggol, Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Muslimat PAS kawasan Kepala Batas menyantuni masyarakat di Kampung Kepala Tidur, Paya Keladi Hujung di sini baru-baru ini.

PPK Pinang Tunggol, Muhasdey Muhamad berkata, menyantuni masyarakat setempat di sini adalah sebahagian daripada program mingguan yang telah direncanakan untuk mendekati rakyat.

“Bukan hanya turun berjumpa rakyat ketika musim-musim tertentu, tetapi, harus kerap dan secara berkala agar masyarakat tahu bahawa pimpinan masyarakat peduli akan masalah yang menimpa mereka,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.


Turut serta, Ahli Lembaga Pengarah ZPP, Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Dalam pada itu, Muhasdey turut mengedarkan risalah Kerajaan Negeri serta memberi penerangan ringkas program-program kebajikan yang dilaksanakan di sini.




Kerajaan Negeri PR Pulau Pinang Memartabatkan Islam

**Peruntukan Hal Ehwal Agama Islam
berganda-ganda berbanding zaman BN**



**Pembangunan Sekolah Agama Rakyat
(SAR)**



Peruntukan untuk membina dan membaiki masjid sejak 2008 :

- RM 6,471,701.70
- 158 buah
- 9 masjid baru dicadang dibina (2012-2013) - Daerah Timur Laut (1); Daerah Barat Daya (2); Seberang Perai Utara (4) dan Daerah Seberang Perai Selatan (2).

**Jumlah masjid, surau & Sekolah Agama
Rakyat (SAR) dibina mengikut daerah dari
2008-2012**

Daerah	Masjid	Surau	SAR
Seberang Perai Utara	6	2	3
Seberang Perai Tengah	-	1	1
Seberang Perai Selatan	3	-	4
Daerah Timur Laut	3	-	-
Daerah Barat Daya	2	1	6
JUMLAH	14	4	14

Jumlah Kutipan & Agihan Zakat PUZ

Tahun	Kutipan (RM)	Bil. Pembayar (orang)	Jumlah Agihan (RM)	Bil. Penerima (orang)
2009	44,059,327.00	47,351	48,518,850.00	27,875
2010	49,240,836.00	49,039	57,580,927.15	29,323
2011	58,215,178.88	52,599	55,468,037.43	30,830
2012	72,296,316.71	56,024	70,051,640.58	33,747
Jumlah	223,811,658.59	205,013	231,619,455.16	121,775



SEKOLAH Madrasah Al-Aminiah, Jalan Permatang Nibong, Seberang Perai Tengah merupakan SAR pertama negeri yang memiliki makmal sains hasil inisiatif Kerajaan Negeri.



PERASMIAN SAR Batu Maung, Bayan Lepas oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mansor Othman (kanan sekali) sambil disaksikan Exco Hal Ehwal Agama, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (tengah).

Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat & Sihat

